

BAB III

ANALISIS ASPEK KONTEKS LARAS BAHASA BERITA DALAM BERITA HARIAN

Most editors-in-chief tell their editors to "use words correctly." Good advice, of course, but hard to follow. What is correct? Who said so? What about new words not yet in dictionaries? Which dictionary is correct? Not only are there new words, but also new meanings of old words, as with *bug*, *gay*, and *turkey* (Gene Gilmore, 1990:33).

3.0. Berita dan Cerita

Ramai orang suka mendengar cerita yang menarik sama ada cerita tersebut benar ataupun tidak. Walaupun mereka bukannya sebagai tukang cerita, namun kebanyakan orang suka bercerita dalam pergaulan sehari-hari. Pada setiap saat orang ramai menyedari kenyataan bahawa mereka masing-masing berperanan sama ada sebagai penutur ataupun pendengar dalam perbualan tersebut. Jika seseorang yang berbakat menulis, cerita tersebut sering ditulis dalam berbagai-bagai bentuk tulisan. Sayangnya tidak semua orang dapat menjadi penulis yang berbakat.

Dalam pada itu, mungkin ramai orang pernah menjadi pengedit bahasa dalam surat peribadi, laporan kerja rumah, naskah dalam pidato majlis hari jadi bahkan dalam pertuturan sehari-hari. Khalayak ramai jarang menyedari hal itu. Mereka tidak pernah menganggap diri mereka sebagai pengedit bahasa diri mereka sendiri. Berhubung dengan perkara tersebut Gene Gilmore (1990:ix) pernah menjelaskan bahawa;

All people at one time or another work as editors. They edit their letters, their reports, and what they say. News reporters, of course, edit their own stories glowing on VDT screens. Many of those reporters eventually will spend a good part of their careers as editors, for increasingly newsrooms for print or broadcast require large numbers of people skilled in selecting stories and graphic material, tightening language, assigning reporters, and developing story ideas (Gene Gilmore, 1990:ix).

Kebanyakan orang dengan jelas mengakui bahawa menulis karya sastera dan menulis laporan berita merupakan bidang profesional yang istimewa. Walaupun segelintir saja atau hampir tiada orang menulis dan membaca cerpen, sajak, pantun, lirik dan yang seumpamanya, tetapi ramai orang membaca berita, rencana dan penulisan lain. Penulis berita dan khalayak pembacanya mempunyai minat yang sama, menggemari karya bukan fiksyen. Dalam perkataan lain, penulisan berita bukanlah sama dengan penulisan fiksyen. Penulis fiksyen mungkin dapat memutuskan cerita apa yang akan ditulisnya, siapa watak-wataknya dan sama ada kesudahan cerita itu gembira atau sedih. Walau bagaimanapun, penulis berita (pemberita, wartawan, editor) tidak mempunyai pilihan ini. Dia mesti memberitahu bagaimana suatu cerita itu terjadi. Ceritanya itu tidak mungkin dirancangkan untuk mempunyai kesudahan yang mengembirakan. Malah, dia mungkin tidak mengetahui bagaimana suatu peristiwa terjadi jika tempoh menulis ceritanya dihadkan (Sulaiman Samuri, 1990:19-20). Berhubung dengan huraian tersebut, perhatikan serangkaian contoh tajuk berita berikut ini;

Rakyat Indonesia mengundi hari ini (Dunia, 1997, 29 Mei)
Undian diadakan semula di Madura (Dunia, 1997, 2 Jun)
Golkar menang besar di Sampang Madura (Dunia, 1997, 6 Jun)

Contoh-contoh tersebut adalah beberapa tajuk berita yang dikutip daripada BH yang diterbitkan dari akhir bulan Mei hingga awal Jun tahun 1997 yang lalu. Melalui tajuk-tajuk berita tersebut, dapat kita ketahui sedikit banyak tentang proses pilihan raya di Indonesia. Pada hari itu, semasa rakyat Indonesia melakukan pengundian, iaitu pada haribulan 29 bulan Mei tahun 1997 yang lalu, penulis laporan berita tersebut sebenarnya tidak boleh merancangkan ceritanya dengan kesudahan yang menggembirakan ataupun sebaliknya. Oleh itu, wartawan BH, Nazar Abdul melaporkan ceritanya seperti berikut:

Teks 9

S1. JAKARTA, Rabu-Seramai 124 juta rakyat Indonesia akan mengundi esok dalam pilihan raya umum sebagai kemuncak 'pesta demokrasi' tahun ini.

S2. Mereka akan melaksanakan hak mengundi masing-masing di 305, 219 pusat membuang undi di seluruh Republik bagi memilih satu daripada tiga parti yang bertanding, iaitu Golongan Karya (Golkar), Parti Persatuan Pembangunan (PPP) dan parti Demokrasi Indonesia (PDI).

S3. Difahamkan 3.5 juta orang terbabit dalam pengendalian pilihan raya umum kali keenam ini yang diadakan serentak di seluruh negara dari jam 8 pagi hingga 6 petang.

S4. Presiden Suharto dan ahli keluarganya akan mengundi di pusat mengundi 02 jalan Cendana, Kelurahan Gondangdia, Jakarta Pusat.

S5. Keputusan pengundian dari 27 wilayah akan diumumkan secara berperingkat-peringkat mulai jam 7 malam melalui radio dan televisyen.

S6. Mengikut data yang dikeluarkan Lembaga Pilihan Raya Umum (LPU), seramai 124,740,987 warga Indonesia sudah mendaftar bagi pilihan raya umum tahun ini.

S7. Daripada jumlah itu 1,781,614 mendaftar sebagai pemilih di luar negara dan akan membuang undi bagi daerah DKI Jakarta.

S8. Sejumlah 425 kerusi dipertandingkan bagi Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) manakala bagi 75 kerusi diperuntukkan kepada anggota Angkatan Bersenjata Indonesia (Abri) tanpa bertanding.

S9. Difahamkan keputusan muktamad pilihan raya umum ini akan diumumkan secara rasmi pada pertengahan bulan depan.

Laporan berita yang bertarikh 29 Mei tahun 1997 tersebut bertajuk **Rakyat Indonesia mengundi hari ini**. Cerita tersebut terdiri daripada sembilan buah paragraf yang masing-masing merupakan ayat tersendiri. Setiap ayat dilambangkan dengan huruf S dan diberi angka menurut susunan cerita laporan. Melalui kandungan ayat-ayat dari S1 hingga S9 tersebut, kita tidak pernah dapat menemukan sesuatu dugaan ataupun ramalan tentang hasil pilihan raya tersebut. Menurut S5, dan S9, hasil keputusan undian tersebut baharu akan dapat diketahui pada pertengahan bulan Jun. Hanya melalui ungkapan yang agak berciri retorik, iaitu ungkapan 'pesta demokrasi' dalam S1 terdapat sesuatu yang boleh kita ramalkan tentang hasil keputusan undian tersebut.

Walau bagaimanapun, 'pesta demokrasi' tersebut berjalan tidak begitu lancar. Berbagai-bagai rusuhan telah pun berlaku di beberapa tempat di negara tersebut. Menurut cerita laporan dalam BH, pada 2 Jun, 1997 yang bertajuk **Undian diadakan semula di Madura**, cerita pilihan raya yang selanjutnya seperti berikut ini;

Teks 10

S1. JAKARTA, Ahad-Pengundian di 86 pusat mengundi di Sampang dan 35 di Pamekasan, Madura akan diadakan semula pada 3 Jun ini.

S2. Langkah ini berikutan adanya gangguan terhadap keamanan dan kerosakan kotak serta kertas undi akibat rusuhan ketika diadakan pengundian di kawasan terbabit Khamis lalu.

Melalui kedua-dua ayat S1, S2 tersebut bolehlah kita ketahui bahawa undian terpaksa diadakan semula di Madura kerana berlaku rusuhan yang serius. Situasi tersebut dapat kita fahami melalui beberapa unsur bahasa seperti gangguan keamanan, kerosakan kotak dan kertas undi, rusuhan, dan sebagainya. Namun demikian, mengikut laporan yang berikut ini, parti pemerintah Indonesia, Golkar tetap memperoleh kemenangan dalam undian semula tersebut. Perhatikan laporan dalam BH pada haribulan 6 Jun, 1997.

Teks 11

.S1. JAKARTA, Khamis-Parti memerintah Golongan Karya (Golkar) menang dalam pilihan raya umum yang diadakan semula di Sampang, Madura semalam.

S2. Golkar mendapat 11,064 undi atau 60 peratus, Partai Persatuan Pembangunan (PPP) mendapat 7,471 undi atau 39.64 peratus dan Parti Demokrasi Indonesia (PDI) mendapat 173 undi atau 0.36 peratus.

S3. Pilihan raya umum itu terpaksa diadakan semula berikutan rusuhan yang berlaku pada 29 Mei lalu hingga menyebabkan banyak kotak dan kertas undi terbakar.

Laporan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan teks laporan semula yang terdiri dari 13 ayat. Laporan ini merupakan lanjutan kedua-dua laporan Teks 1, dan Teks 2 yang telah dihuraikan sebelumnya. Menurut S2, hasil keputusan undiannya menunjukkan kemenangan besar Golkar sedangkan S3 menjelaskan sebab undian tersebut dilaksanakan semula. Seperti diceritakan dalam S1, pokok cerita laporan tersebut merupakan kemenangan Golkar dalam undian semula. Memang benar

bahawa pelaksanaan hak mengundi seperti diceritakan dalam teks 1 serta hasil keputusan kiraan pengundian seperti dilaporkan dalam teks 3 tersebut merupakan perkara yang sangat penting. Akan tetapi sesuatu yang kita dapati menerusi huraian tersebut ialah cerita laporan pada dasarnya bukan merupakan sesuatu yang dibuat-buat dengan sewenang-wenangnya.

Laporan berita dalam akhbar pada hakikatnya bercerita tentang berbagai-bagai peristiwa dan kejadian yang berlaku di dunia sekeliling. Seperti halnya dengan penulisan karya sastera, penulisan berita pula merupakan sesuatu hasil yang didampingi oleh teknik penulisan tertentu. Sebagai contoh, kita perlu memerhatikan perihal penyusunan tajuk berita. Dalam hal ini, sesuatu yang paling mustahak bukannya perkara kronologi tetapi perkara susunan. Pada prinsipnya, struktur wacana yang paling bersifat semula jadi merupakan yang berciri urutan kronologikal kerana struktur wacana tersebut selaras dengan struktur peristiwa. Oleh sebab itu, wacana pertuturan seseorang pada hakikatnya mencerminkan urutan kronologikal. Sebaliknya, wacana berita tidak lazim mengikut urutan berlakunya peristiwa, malah sering kali susunan cerita dalam berita ternyata berciri lebih kompleks.

Sesuatu perbezaan yang lebih menonjol ialah penulisan berita melibatkan lebih banyak pihak (pemberita, wartawan dan editor) berbanding dengan penulisan karya sastera. Editor-editor berita ialah kumpulan tenaga terlatih yang membuat penilaian terhadap kejadian-kejadian yang dijangka berupaya menimbulkan minat orang membacanya. Mereka malah sering mengambil keputusan yang berbeza-beza terhadap nilai kejadian-kejadian tersebut sebagai berita (Sulaiman Masri, 1990:8). Tanggapan yang diamalkan oleh editor-editor tersebut lazimnya berbeza-beza pula. Dengan demikian, wujud berbagai-bagai jenis teks berita tentang peristiwa atau kejadian yang

sama. Oleh itu, bahasa laporan berita adalah hasil kerja pelbagai peringkat, dan proses-proses pembentukan dan pengubahsuaian berita merupakan perkara-perkara yang rumit dan sukar di dalam memahami peringkat-peringkat penyempurnaan teks laporan, bentuk dan juga kandungannya.

Kajian mengenai bahasa akhbar biasanya bermula dengan sesuatu genre atau aspek khusus yang menarik yang terdapat di dalam bahasa tersebut. Misalnya, tumpuan perhatiannya mengenai bagaimana sesuatu jenis laporan tertentu dilaporkan, bagaimana tajuk-tajuk berita berlainan daripada ciri bahasa yang lain, bagaimana pengiklanan cenderung untuk menarik perhatian atau membujuk. Akan tetapi, kebanyakan kajian tentang bahasa akhbar secara tradisional tertumpu perhatiannya kepada kritikan terhadap penggunaan bentuk-bentuk bahasa yang menyimpang.

3.1. Berita dan Tatabahasa

Tidak mustahil kiranya kalau kita katakan bahawa bahasa surat khabar sering dijadikan model bahasa yang standard oleh kebanyakan orang. Hal ini secara tidak langsung mengandungi implikasi bahawa pengaruh bahasa surat khabar begitu besar kepada para pembaca pada zaman media moden ini. Oleh hal yang demikian, bahasa surat khabar sering menjadi objek kritikan daripada banyak pihak baik di kalangan pengkaji ilmu bahasa maupun di kalangan pengkaji ilmu-ilmu yang lain. Tajuk-tajuk berita dalam surat khabar secara khususnya merupakan bahan perbincangan yang cukup menarik sejak permulaan abad yang baru lalu.

Perkara tersebut telah pun ditunjukkan secara terperinci oleh Maria Dolores (1994:13-19) dalam tesisnya tentang analisis tajuk-tajuk berita dalam surat khabar The Times di Amerika Syarikat. Beliau mengutip

pendapat Sapir (1921:36) yang mengatakan bahawa ayat-ayat yang muncul sebagai tajuk berita sering merupakan bentuk bahasa yang tidak lazim.

...except possibly, in a newspaper headline. Such headlines, however, are language only in a derived sense (Sapir, 1921:36).

Demikian pula tajuk-tajuk berita tertentu sering dianggap sebagai hasil penyimpangan daripada jangkauan tatabahasa yang tepat. Menurut Jespersen (1924:311) gejala serupa itu merupakan *phenomena occur in written language only and thus fall outside language proper*. Malahan menurut Harold E. Rockwell , tajuk berita patut dikecam sebagai sesuatu gejala bahasa yang melanggar baik gaya bahasa yang sesuai mahupun tatabahasa yang standard dalam bahasa Inggeris. Menurutnya,

The headline has been the target for much criticism. It has been damned incessantly for violating everything from good taste to good English (Harold E. Rockwell, 1927:140).

Kritikan serupa berhubung dengan soal pembinaan dan pengembangan bahasa tidak terhad kepada para pengamat di luar negara. Para ahli bahasa di dalam negara Malaysia pula secara khususnya sering membicarakan kesalahan-kesalahan umum yang sering berlaku pada tajuk berita dalam surat khabar. Sebagai contoh, hampir dua dasawarsa yang telah lampau Abdul Jalil Anuar (1979) pernah membentangkan amaran kepada kita bahawa jika gejala serupa tidak dikawal, maka suatu hari nanti bahasa Malaysia akan menempuh zaman gelap. Menurut beliau, kebanyakan orang awam tidak menghiraukan dan bahkan tidak menyedari kesalahan yang berlaku dalam surat khabar. Akan tetapi dari sudut pandangan ahli-ahli bahasa, surat khabar dewasa ini terlalu banyak

membuat kesalahan dalam bahasa. Oleh hal yang demikian, perkara bahasa dalam surat khabar tersebut menyebabkan mereka berasa begitu bimbang terhadap nasib bahasa Malaysia (BM).

Melalui pengamatan tajuk-tajuk berita dalam Utusan Malaysia (UM) dan BH, Abdul Jalil Anuar (1979:49) menunjukkan kesalahan-kesalahan yang umum dalam tiga kategori, iaitu;

- 1) Pengejaan atau penulisan kata yang salah.
- 2) Penggunaan singkatan yang sewenang-wenangnya.
- 3) Kesalahan struktur ayat.

Menurut pandangan tersebut, kesalahan-kesalahan tersebut lazimnya disebabkan oleh sikap kelalaian penulis tajuk berita. Sehubungan itu, Abdul Hamid Mahmood (1983) pula pernah menunjukkan bahawa dari segi penilaian mutu bahasa, penerbitan seperti akhbar harian atau mingguan didapati lebih rendah mutu bahasanya, terutama sekali dari segi penggunaan ejaan, istilah dan penyusunan ayat. Menerusi kajian tersebut secara terperinci beliau menunjukkan sebab-musabab timbulnya penyalahgunaan struktur BM dalam media cetak. Berikut ini merupakan ringkasan dakwaan Abdul Hamid Mahmood (1983:283) tersebut;

- (1) Kekurangan kemahiran BM di kalangan para pegawai dan kakitangan.
- (2) Ketiadaan sistem pengawasan atau bimbingan dalam penggunaan BM.
- (3) Ketiadaan pembahagian dan pengkhususan tugas pegawai mengikut bidang kemahiran pengarang.
- (4) Gejala penafsiran dan keputusan sewenang-wenang di kalangan pegawai terhadap buku Pedoman Umum ejaan BM dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah BM.
- (5) Wujud sikap tidak mengambil berat terhadap BM.

Oleh sebab itu, beliau mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi gejala kesalahan penggunaan BM, khususnya dalam media cetak. Antara lain, (1) pegawai-pegawai media cetak perlu diberi kesempatan untuk memperoleh kemahiran BM, (2) hasil penterjemahan yang bermutu tinggi hendaklah terjamin, (3) pembahagian dan pengkhususan tugas mengikut bidang kemahiran pengarang hendaklah diadakan di kalangan sidang editor, (4) sikap tidak mengambil berat terhadap penggunaan BM hendaklah dihapuskan dan ditukar dengan sikap taat dan setia kepada BM (Abdul Hamid Mahmood, 1983:283-4).

Dari segi tatabahasa tradisional, kritikan-kritikan tersebut merupakan hal yang sewajarnya. Akan tetapi dari sudut pandangan sidang editor, pendapat tersebut boleh dianggap sebagai kritikan yang terlalu radikal malahan dianggap sebagai pendapat yang tidak wajar. Mengapa berlaku hal demikian? Perkara tersebut berlaku kerana kedua-dua penulis tersebut hanya menunjukkan kesalahan daripada hasil penulisan dalam surat khabar tanpa memikirkan ciri-ciri keistimewaan suasana yang terdapat dalam proses mengedit bahasa di kalangan media cetak.

Berhubung dengan wujudnya kesalahan-kesalahan dalam bahasa akhbar tersebut, Rohani (1984:197) menunjukkan beberapa faktor seperti yang berikut ini;

- (1) Kesuntukan masa.
- (2) Ruangan yang diperuntukkan untuk sesuatu bahan adalah terhad.
- (3) Pihak editorial lebih mementingkan aspek "sensationalisme".
- (4) Kebolehan editorial yang terhad, yakni penguasaan BM yang kurang baik.

Oleh sebab itu, menurut Rohani (1984), seharusnya terdapat usaha-usaha untuk mengatasi gejala-gejala pencemaran bahasa daripada terus berlaku. Hal ini amat penting untuk mengekalkan ketinggian mutu

sesebuah akhbar atau media cetak yang lain supaya masalah ini tidak memberi kesan buruk ke atas masyarakat. Seandainya gejala ini dibiarkan berterusan maka hal ini tentunya akan diterima oleh masyarakat sebagai norma yang betul. Oleh itu, pihak akhbar sepatutnya mengambil beberapa inisiatif bagi mengatasi masalah ini.

Beberapa saranan yang diajukan Rohani (1984:198-9) untuk menyelesaikan masalah bahasa dalam surat khabar tersebut hampir sama dengan cadangan-cadangan yang diajukan Abdul Hamid Mahmood (1983) di atas. Kedua-duanya berdasarkan pandangan bahawa kesalahan-kesalahan bahasa dalam surat khabar seharusnya merupakan tanggungjawab para pegawai media cetak yang berkenaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan orang awam menganggap bahasa dalam surat khabar sebagai masalah umum yang disebabkan oleh sikap tidak prihatin ataupun sikap yang tidak berhati-hati. Oleh sebab itu, bahasa surat khabar sering dianggap sebagai bahasa yang lebih rendah kedudukannya daripada bahasa dalam teks-teks kesusastraan. Dengan perkataan lain, bahasa media cetak secara umum dianggap sebagai bahasa yang menyimpang daripada ciri-ciri standard tatabahasa.

Walau bagaimanapun, hal penting yang harus diingat ialah corak bahasa dalam surat khabar sebenarnya adalah merupakan suatu pola bahasa (*language pattern*) yang tersendiri, malah dianggap sebagai gaya yang benar dan berkesan untuk menyampaikan mesej. Bentuk penulisan sedemikian, sekalipun bersalahan dengan aturan nahu, merupakan suatu yang lazim.

3.2. Bahasa Puisi dan Penyimpangan Tatabahasa

Secara tradisional, bahasa puisi dianggap berbeza daripada bahasa biasa ataupun bahasa sehari-hari. Begitu juga, puisi sering kali menghindari penggunaan kata-kata biasa dan mempunyai ciri struktur bahasanya tersendiri. Dengan perkataan lain, sesbuah puisi pada hakikatnya menyatakan sesuatu bagi menyampaikan maksud yang lain.

Puisi menyampaikan konsep-konsep serta sesuatu perkara secara tidak langsung. Maksud puisi lazimnya disampaikan dengan cara menggantikan unsur-unsur tertentu (metafora dan metonimi), mengubah suai atau memutarbalikkan unsur (ambiguiti, pertentangan atau *nonsense*) ataupun mungkin diubah suai melalui penyimpangan tatabahasa atau leksikon (umpamanya, percanggahan unsur), yang boleh dikatakan sebagai unsur yang tidak gramatis (Riffaterra, 1978:1).

Butir-butir puisi bukan merupakan bahan-bahan mentah bahasa tetapi merupakan sesuatu hasil ciptaan daripada struktur stilistik yang lengkap, padat dengan berbagai-bagai konotasi dan merupakan wacana yang sarat dengan makna. Sebarang unsur penyimpangan tatabahasa (*ungrammaticality*) di dalam puisi sebenarnya merupakan lambang ciri tatabahasa dalam konteks yang lain, iaitu yang dimiliki di dalam sistem yang lain. Hubungan sistemik puisi ini menghasilkan pengertian (Riffaterra, 1978:165). Oleh sebab itu, untuk memahami maksud puisi tertentu perlu kita fahami konteks, iaitu hubungan antara perkara bahasa dengan sesuatu di luar bahasa, iaitu konteks situasi tertentu.

Untuk penjelasan lebih lanjut tentang hubungan bahasa dengan konteks situasi tertentu, sebaiknya kita perhatikan bentuk-bentuk puisi Wahab Ali dan hasil terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris. Perhatikan contoh di bawah ini;

Teks 12 : Sebuah Tugu

tugu dan kami

han

cu

r

t

e

r

ku

l

a

i

(kutipan kembali daripada Ainon, 1985: 132)

Jika meneliti ciri-ciri grafologi puisi tersebut secara langsung kita dapat ketahui makna yang ingin disampaikannya, iaitu 'sesuatu yang hampir roboh ataupun tidak tegak'. Kemiringan bentuk grafologi puisi tersebut mungkin menggambarkan hayat seseorang yang hampir putus asa dan semakin kehilangan harapan yang hampir jatuh terkulai. Makna tersebut dapat difahami menerusi penggunaan grafem yang *miring* letaknya. Sekiranya kita telah pun mengetahui maksud yang disampaikan puisi tersebut, maka bagaimana dapat kita terjemahkan puisi serupa itu ke dalam bahasa asing?

Sebelum hasil terjemahan puisi tersebut dibentangkan di sini, lebih baik kiranya kita perhatikanuraian seorang penterjemah karya kesusasteraan Melayu. Holt, seorang penterjemah Inggeris yang pernah menterjemahkan sebuah novel, 'Senja di Jakarta', karya asli Mochtar Lubis mengatakan bahawa;

Translation or rather transposition into English of any other idiom naturally presents a great number of problems....The difficulty of finding some convincing equivalent to the

colorful and phonetically idiosyncratic Djakarta dialect spoken by the uneducated city workers and the impossibility of rendering its full local flavour need not be belaboured (Holt, 1963).

Pandangan penterjemah tersebut secara implisit menyatakan bahawa tugas penterjemah bukanlah tugas yang mudah, kerana hasil terjemahan yang sepantasnya mesti mencerminkan pula unsur-unsur di luar bahasa. Misalnya, ciri-ciri khusus dialek yang mencerminkan kedudukan sosial dan latar belakang kedaerahan merupakan salah satu unsur yang sangat penting dalam kejayaan hasil penterjemahan tersebut.

Sehubungan dengan hal serupa, Ainon (1985) pula menunjukkan bahawa terjemahan yang dibuat bukan setakat mesti tepat dari segi makna kedua-dua perkataan itu, tetapi juga tepat dari segi kesan emosi yang akan ditimbulkannya. Menurutnya, secara ringkas, apa yang dianggap puisi pada bentuk asalnya mestilah juga berupa puisi setelah diterjemah. Inilah puncak kesukaran tugas penterjemahan, iaitu mesti menempa semula suatu objek yang sudah ditempatkan terlebih dahulu. Penterjemah puisi sama sekali tidak boleh menterjemahnya dalam bahasa yang hanya mementingkan ketepatan makna perkataan saja kerana bahasa yang demikian tidak mempunyai 'vitality' dan 'character'. Bahasa seperti itu ialah bahasa yang mati dan tidak berperibadi. Terjemahan demikian akan membuat puisi berubah menjadi prosa. Yang harus ditemui oleh penterjemah puisi bukanlah kesamaan makna secara literal, tetapi kesamaan nilai perasaan yang ditimbulkan oleh puisi tersebut. Yang menjadi matlamat penterjemah adalah supaya puisi yang berjaya dalam naskah asalnya mestilah juga berjaya dalam versi terjemahannya (Ainon, 1985:124). Oleh sebab itu, hasil terjemahan puisi Wahab Ali yang dilaksanakan oleh Newman seperti yang berikut ini dapat dianggap sebagai hasil terjemahan bebas.

Teks 13 : The monument

the monument and ourselves
crum
bl
i
n
g
le
an
i
n
g

(kutipan kembali daripada Ainon, 1985: 133)

Sehubungan itu, perlu kita ingat dakwaan Jakobson (1987:435) yang menekankan pentingnya usaha-usaha penterjemahan dari sudut pandangan semiotik.

If we were to translate into English the traditional formula Tradutore, traditore as "the translator is a betrayer," we would deprive the Italian rhyming epigram of all its paronomastic value.

Kesimpulannya, huraian setakat ini tentang puisi dan terjemahannya mengandungi implikasi bahawa dalam setiap hal terdapat perkaitan tetap antara butir linguistik dengan sesuatu di luar linguistik, sesuatu yang merupakan sebahagian situasi bahasa dan bukan sebahagian daripada bahasa itu sendiri. Hal ini ternyata berlaku dalam bahasa laporan berita dalam surat khabar.

3.3. Bahasa Laporan Berita dan Penyimpangan Tatabahasa

Seperti yang diuraikan di atas, bentuk-bentuk bahasa yang tidak biasa dalam karya-karya sastera secara umum bukannya dianggap sebagai hasil pelanggaran tatabahasa. Dalam pada itu, jika terdapat sesuatu bentuk bahasa yang tidak biasa dalam surat khabar, hal itu sering kali ditunjukkan sebagai kesalahan. Sehubungan itu, perhatikan perkataan-perkataan yang tercetak tebal di dalam contoh-contoh tajuk berita dalam BH. Tajuk-tajuk berita di bawah ini merupakan hasil penulisan semula daripada laporan-laporan dalam BH yang diterbitkan pada hari-hari antara 1 Mac, 1996 hingga 4 Ogos, 1997;

- (1) MTUC sompong: **Dr M** (Mac 1, 1996)
- (2) **RM4j** bagi subsidi benih padi (Mac 4, 1996)
- (3) Barat perlu ubah tabiat buruk: **Dr M** (Mac 4, 1996)
- (4) PKNS sedia peruntukan **RM1b** (Mac 4, 1996)
- (5) Proton untung **RM1b** (Jun 21, 1997)
- (6) **RM30.6j** untuk bantu pulih Bosnia (Jun 21, 1997)
- (7) Kabelect saman Telekom Cellular **RM7.75 juta** (Jun 21, 1997)
- (8) **Dr M** yakin D8 terus kukuh (Jun 17, 1997)
- (9) **Dr M** timbang permintaan Soros (Ogos 4, 1997)
- (10) **Dr Mahathir** perjelas tindakan kerajaan Sabtu ini (Ogos 4, 1997)

Melalui perbandingan kata-kata tersebut, dapat kita ketahui bahawa kata-kata yang mengalami penyingkatan berbaur dengan kata-kata yang tidak dipendekkan. Misalnya, huruf M daripada kata-kata Dr M dalam contoh (1), (3), (8), (9) tersebut sebenarnya melambangkan nama Yang berhormat Perdana Menteri Malaysia, iaitu Dr Mahathir. Dalam contoh (10) nama tersebut ditulis dengan bentuk yang lengkap. Dalam pada itu, huruf-huruf j dan b daripada kata-kata RM30.6j dan RM1b dalam contoh

(2) dan (4) masing-masing merupakan kependekan daripada kata bilangan juta dan bilion.

Berhubung dengan perkara bahasa surat khabar seperti yang dihuraikan 3.1 di atas pengkaji bahasa tidak segan mengecam pihak penerbit surat khabar sebagai penghasil penulisan yang sewenang-wenang. Secara khususnya, berhubung dengan perkara kependekan Abdul Jalil Anuar (1979) pernah memberikan contoh-contoh yang cukup menarik daripada surat khabar BH dan UM dalam tahun 1978 untuk menjelaskan dakwaannya. Perhatikan contoh-contoh di bawah;

- (11) Kadar kematian nahas **j-ray**a M'sia di antara negara paling tinggi (UM, 30 Jun, 1978)
- (12) Enam dihukum cuba rampas k'terbang (UM, 30 Jun, 1978)
- (13) Perang poster di **B-Raya** menarik (UM, 30 Jun, 1978)
- (14) Bangunan niaga \$2.5 juta untuk **B-putera** di Pulau Pinang (BH, 30 Jun, 1978)
- (15) Perlawanan hebat dijangka di **K. T'ganu** (BH, 30 Jun, 1978)

Apabila kita meneliti kata-kata singkatan yang terdapat dalam contoh di atas, maka tidak mustahil dapat kita ketahui bahawa kependekan-kependekan tersebut melambangkan sesuatu perkataan tertentu. Misalnya, huruf **j** di dalam (11) yang diikuti oleh tanda sempang, kemudian diikuti oleh kata raya dalam contoh (11) merupakan singkatan dari kata jalan. Dalam pada itu, **M'sia** ialah singkatan bagi kata Malaysia. Huruf **k** di dalam (12) melambangkan kata kapal. Huruf **B** di dalam (13) merupakan singkatan dari kata bandar. Huruf **B** di dalam (14) melambangkan kata bumi. Huruf **K** di dalam contoh (15) merupakan kependekan dari kata Kuala. Sedangkan huruf **T** yang diikuti oleh tanda koma pula adalah yang dimaksudkan untuk kata Tereng.. yang melambangkan nama tempat Terengganu. Jika kita mengikuti pandangan tersebut, maka penggunaan kependekan dalam BH (1 Mac, 1996 hingga 4

Ogos, 1997) tersebut merupakan pelanggaran dalam pengejaan. Dengan kata lain, tanda-tanda bahasa yang sering digunakan di dalam surat khabar merupakan bentuk-bentuk yang bertentangan dengan yang ditetapkan oleh masyarakat umum.

Akan tetapi, kesalahan-kesalahan tersebut terlalu lazim digunakan dalam surat khabar. Sekali pandang kita tidak akan terlihat kesalahan-kesalahan kecil seperti contoh di atas, apa lagi jika pembaca surat khabar tersebut hanya membaca sepintas lalu dan tujuannya hanya ingin mengetahui berita yang terkandung di dalamnya. Maka kesalahan-kesalahan yang seperti ini tidak akan disedari oleh mereka (Abdul, 1979:50). Oleh sebab itu, menurut beliau, semua kata yang hendak digunakan dalam sesuatu ayat dalam surat khabar hendaknya ditulis dengan lengkap kecuali singkatan-singkatan yang telah diketahui umum. Jika kita menerima dakwaan tersebut dengan sepenuhnya, maka dengan sendirinya timbul pertanyaan apa perbezaan yang wujud antara singkatan yang telah diketahui umum dengan singkatan yang tidak lazim digunakan?

Berhubung dengan perkara tersebut, Asmah (1983) pernah mengakui wujud ciri-ciri keistimewaan pada bahasa surat khabar atau bahasa laporan berita. Menurut beliau, bahasa laporan berita mempunyai gaya yang tersendiri. Pada keseluruhan gayanya padat, dengan adanya proses-proses penghilangan dan penyingkatan yang berlaku. Selain menghadapi kendala ruang, tajuk berita mempunyai syarat-syarat lain. Pertama ialah kepadatan. Ini bermakna tajuk tersebut dapat memancarkan inti sari bagi sesuatu berita itu. Di samping itu cara menyampaikan tajuk itu hendaklah menggunakan teknik kebahasaan yang menarik. Teknik ini tidak hanya dilihat dari segi nahu, tetapi juga dari segi retorik. Dengan retorik dimaksudkan kaedah penggunaan bahasa untuk tujuan menarik perhatian atau memujuk. Oleh itu, secara khususnya, bahasa tajuk berita memperlihatkan ciri-ciri yang khasnya menurut nahu tajuk berita. Yang

dimaksudkan dengan nahu tajuk berita merupakan hasil penerapan teknik untuk menjadikan tajuk-tajuk berita sebagai penambat mata yang utama bagi pembaca surat khabar.

Pembedaan ciri-ciri keistimewaan bahasa laporan berita tidak terhad kepada tajuk-tajuk berita sahaja. Asmah (1983) lebih lanjut menunjukkan wujud berbagai-bagai gaya dan larasnya dalam surat khabar. Menurutnya, kandungan sesuatu akhbar itu terdiri daripada pelbagai jenis tulisan, dilihat bukan sahaja dari segi bahan tulisan tetapi juga dari segi gaya dan larasnya. Misalnya, laporan berita berlainan gaya bahasanya dengan bahasa lidah pengarang; kedua-duanya pula berlainan dengan bahasa iklan atau juga bahasa resipi. Di samping itu terdapat juga makalah-makalah yang ditulis oleh orang perseorangan, berkenaan dengan berbagai-bagai isu dalam masyarakat: bahasa, kebudayaan, pelajaran, berbagai-bagai aspek politik, ekonomi, dan tidak kurang juga makalah-makalah yang bersifat separuh saintifik dalam bidang sains dan teknologi. Dengan demikian, surat khabar boleh dikatakan sebagai media bagi berbagai-bagai laras dan gaya bahasa.

Melaluiuraian tersebut, dapat kita ketahui bahawa pandangan Asmah (1983) berdasarkan kajiannya bukan hanya terhadap perkara bahasa tetapi juga mengenai unsur-unsur luar bahasa, iaitu berbagai-bagai bidang yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat dan berbagai-bagai teknik pengedit untuk mengatasi kendala ruang surat khabar. Pandangan tersebut sebenarnya sangat berlainan dengan pandangan-pandangan tradisional yang telah kita huraikan sebelumnya.

Pandangan Asmah pada hakikatnya berdasarkan pandangan sosiolinguistik yang jangkauan penelitiannya cukup luas dan mendalam. Menurut beliau bentuk-bentuk bahasa dalam surat khabar yang tidak bertepatan dengan berbagai-bagai peraturan tatabahasa tradisional bukan merupakan kesalahan penggunaan melainkan merupakan tanda wujudnya

variasi bahasa dalam surat khabar. Hal ini tidaklah berbeza dengan wujud berbagai-bagai variasi bahasa dalam karya-karya kesusasteraan seperti yang dihuraikan sebelumnya. Perbezaannya hanya terletak kepada sudut pandangannya terhadap kewujudan variasi bahasa. Abdul (1979) berdasarkan pandangan yang terlalu terikat kepada fahaman tatabahasa tradisional sedangkan Asmah (1988) berlandaskan pandangan sosiolinguistik, iaitu fahaman linguistik moden yang lebih luas jangkauan disiplinnya.

Berhubung dengan perbezaan sudut pandangan tersebut, sebaiknya kita kutip suatu laporan berita yang termuat dalam BH (Selasa, 8 Julai, 1997, muka 22, Dunia). Kandungan laporan berita yang berikut ini melaporkan perkara tentang penghapusan sekatan terhadap Iraq.

Perhatikan struktur tajuk berita dan kandungan beritanya;

Teks 14

Arab digesa hapus sekatan tujuh tahun Iraq

BAGHDAD, Isnin - Iraq hari ini, menggesa negara Arab menterjemahkan kata simpati mereka terhadap rakyat Iraq dengan tindakan menghapuskan sekatan tujuh tahun Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) terhadap negara itu.

"Kami percaya sokongan kepada rakyat Iraq tidak sepatutnya terhad kepada pengisytiharan simpati saja. Negara Arab mesti bertindak membatalkan sekatan terhadap Iraq," kata akhbar Ath-Thawra.

Ia menggesa negara Arab supaya 'melantangkan suara mereka untuk menjelas dan memberikan bukti bahawa pengenaan sekatan terhadap Iraq tidak lagi wajar dan tidak patut lagi diteruskan.'

PBB mengenakan sekatan terhadap Iraq selepas Baghdad menakluk Kuwait pada 2 Ogos 1990. Sekatan minyak terhadap Iraq tidak boleh dihapuskan

sehingga negara itu diisyiharkan bebas daripada sebarang senjata nuklear.-AFP

Menurut pandangan tradisional, struktur tajuk berita '**Arab digesa hapus sekatan tujuh tahun Iraq**' mungkin dianggap sebagai struktur yang tidak betul. Secara khususnya, frasa verbal <digesa + hapus> dalam tajuk berita tersebut adalah bentuk yang tidak lengkap dari segi penggunaan imbuhan. Bentuk tersebut, menurut pandangan ahli bahasa, semestinya merupakan bentuk yang selengkapnya seperti <digesa + menghapuskan>.

Demikian pula, dari segi struktur ayat, letak perkataan Iraq pada tajuk berita tersebut mungkin boleh menimbulkan kekeliruan atau ketaksaan. Ayat tersebut secara minimum dapat ditafsirkan ke dalam dua makna, iaitu 1) Negara-negara Arab digesa agar sekatan tujuh tahun terhadap Iraq dihapuskan. 2) Negara-negara Arab digesa untuk menghapuskan sekatan tujuh tahun Iraq.

Setelah kita memerhatikan unsur-unsur bahasa daripada pendahulu dan kandungan berita selanjutnya, maka konteksnya menjadi jelas. Pelaku yang mengenakan sekatan terhadap Iraq bukannya negara-negara Arab ataupun Iraq sendiri. Sekatan tujuh tahun terhadap Iraq itu dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB).

Menurut pandangan tradisional, memang ketaksaan penafsiran makna serupa itu pada hakikatnya berpunca daripada kesalahan struktur bahasa. Penggunaan struktur ayat tersebut, merupakan hasil karangan yang sewenang-wenang. Dalam hal ini, kita perlu bertanya apakah benar bahawa struktur tajuk-tajuk berita lazimnya merupakan hasil karangan mereka yang cuai? Jika kita menerima dakwaan yang berdasarkan pandangan tradisional, maka timbul pertanyaan pula mengapa produk-produk serupa tidak henti-hentinya diciptakan?

3.4. Bahasa yang Biasa dan Bahasa yang Tidak Biasa

Pada hakikatnya kod bahasa atau butir-butir linguistik tidak pernah mencerminkan sesuatu kenyataan yang neutral atau yang tidak bermakna melainkan menafsirkan, mengorganisasi dan menggolongkan sesuatu benda dalam wacana. Demikian juga, kod bahasa membentuk sesuatu kaedah yang mencerminkan prinsip pandangan dunia sekeliling atau ideologi (Roger Fowler, 1996:40).

Dalam hal ini, menurut Roger Fowler (1996:43), yang menjadi paradoks ialah makna yang kita fahami melalui kod bahasa tersebut sebenarnya bukanlah hasil ciptaan peribadi pengguna bahasa melainkan hasil ciptaan tradisi institusi, iaitu masyarakat bahasa. Pemerolehan bahasa kanak-kanak dimungkinkan melalui proses pengajaran dalam masyarakat. Bahasa yang dibenarkan secara rasmi oleh masyarakat sering kita sebut sebagai bahasa standard. Buku teks yang dibenarkan oleh institusi pengajaran ataupun pihak kerajaan sering kita sebut sebagai buku teks 'standard'. Dengan demikian, penguasaan bahasa rasmi tersebut terus berlanjutan sepanjang masa kehidupan seseorang. Dari sudut pandangan pihak yang mendukung penguasaan bahasa rasmi, 'bahasa yang sebenar' ialah, misalnya bahasa persekolahan, bahasa buku teks, bahasa radio, bahasa surat khabar, dan bahasa kerajaan. Dalam pada itu, bahasa peribadi seseorang mungkin dianggap sebagai sesuatu yang tidak berkuasa atau yang bergantung kepada konsep-konsep yang telah dibenarkan oleh masyarakat.

Konsep-konsep yang telah dibenarkan masyarakat tersebut merupakan sesuatu hasil kebiasaan pengguna bahasa. Sehubungan itu, Asmah (1986:4) menjelaskan hal tersebut dengan mengutip Cassirer yang mengatakan bahawa pemikiran dan pengalaman manusia ditentukan oleh penggolongan

dalam bahasa mereka yang berbeza-beza itu. Penamaan benda dalam bahasa bergantung kepada proses penggolongan yang ada. Ini bermakna pemberian nama kepada benda-benda atau perbuatan itu meletakkan benda atau perbuatan itu di bawah konsep golongan. Huraian tersebut cukup beralasan untuk mendukung pandangan kritik Roger Fowler (1996) tersebut.

Tidak dapat kita nafikan bahawa kehidupan kita sering terasa tidak bermakna ataupun sangat bosan dengan kebiasaan-kebiasaan yang terlalu mendarah daging. Kehidupan sehari-hari terlalu dikuasai oleh segala macam kebiasaan, misalnya dalam hal pekerjaan, pakaian, rumah tangga, persekolahan, bahkan dalam hal rasa takut dengan perang. Oleh hal yang demikian, menurut dakwaan Viktor Shklovsky (1917:11,12), wujudnya kesenian boleh mendatangkan rasa kesegaran kepada kehidupan kita yang telah menjadi semakin bosan (Roger Fowler, 1996:56).

And art exists that one may recover the sensation of life...
The purpose of art is to impart the sensation of things as they perceived and not as they are known. The technique of art is to make objects 'unfamiliar', to make forms difficult, to increase the difficulty and length of perception because the process of perception is an aesthetic end in itself and must be prolonged. *Art is a way of experiencing the artfulness of an object; the object is not important* [Shklovsky's emphasis].

Untuk memahami dakwaan tersebut secara terperinci, perlu kita perhatikan beberapa tajuk berita yang bertulis dengan berbagai-bagai saiz dan gayanya. Tajuk-tajuk berita di bawah ini merupakan penulisan semula daripada kutipan BH dan susunannya diatur kembali oleh penulis.

Askar Seoul, Pyongyang bertempur

Tel Aviv
dituduh
cabuli
perjanjian
damai

**Clinton hadapi
tekanan ahli politik**

**PBB lulus ketetapan
paksa Israel henti projek**

Iraq sambut ulang tahun revolusi ke-29

Contoh tersebut ialah petikan dari halaman 22 (Dunia) dalam BH yang bertarikh 17 Julai, 1997. Walaupun bentuk grafemnya berbeza dengan bentuk asal dalam akhbar tersebut, namun secara bandingan kita dapat meneliti perbezaan besar kecilnya saiz huruf daripada masing-masing tajuk tersebut. Dalam hal ini, kewujudan huruf-huruf (object) yang besar dan kecil tidaklah penting. Sesuatu yang penting ialah sebab (artfulness) huruf-huruf tertentu besar sekali sedangkan yang lainnya tidak. Berbagai-bagai reka bentuk tersebut telah pun menjadi sesuatu motivasi

untuk menilai sesuatu makna yang hendak disampaikan. Walaupun tajuk berita bukan merupakan keseluruhan teks laporan berita, namun cukup bagi kita membaca tajuk berita sahaja untuk mengetahui asal teks berkenaan. Dengan demikian, tajuk berita yang bertulis dengan huruf yang paling besar dan tebal boleh dianggap sebagai yang lebih 'tidak biasa'. Oleh itu, tajuk berita **Askar Seoul, Pyongyang bertempur** menarik perhatian lebih besar daripada tajuk-tajuk berita yang berhuruf lebih kecil lagi.

Perhatikan contoh di bawah ini;

**Askar Seoul,
Pyongyang
bertempur**

**Tel Aviv
dituduh
cabuli
perjanjian
damai**

**Clinton hadapi
tekanan ahli politik**

**PBB lulus ketetapan
paksa Israel henti projek**

Iraq sambut ulang tahun revolusi ke-29

Berbanding dengan contoh sebelumnya, jika kita memperhatikan susunan dan bentuk grafologinya, maka hasil penilaiannya mungkin akan menjadi berubah. Tajuk berita yang bertulis dengan huruf yang paling besar dan tebal, Clinton hadapi tekanan ahli politik mungkin menjadi sesuatu yang paling menonjol. Perhatikan contoh lain yang berikut ini;

Korea, Jepun setuju berkongsi

Contoh tersebut ialah sebuah tajuk berita (Sukan, muka 25) yang bertarikh 1 Jun 1996 dalam BH. Laporan tersebut menceritakan hal tentang hasil pemilihan tuan rumah untuk pusingan akhir Piala Dunia 2002 nanti. Dalam berita tersebut maklumat pokok yang hendak dilaporkan ialah Jepun dan Korea Selatan bersetuju menjadi tuan rumah bersama pusingan akhir Piala Dunia 2002. Bandingkan tajuk tersebut dengan contoh-contoh di bawah;

**Korea, Jepun setuju
berkongsi**

Korea, Jepun setuju berkongsi

Korea, Jepun setuju berkongsi

Korea, Jepun

setuju

berkongsi

Contoh-contoh tersebut merupakan hasil manifestasi berbagai-bagai reka bentuk grafem untuk kepala laporan berita asal. Jika kita bandingkan contoh tajuk berita asal dengan berbagai-bagai contoh berikutnya, maka pembacanya mungkin akan terasa perbezaan makna menurut masing-masing tajuk berita yang telah diubah suai tersebut. Demikian pula, wujud pula perbezaan pendapat di antara pihak yang suka memihak kepada Jepun dengan pihak yang memihak kepada Korea Selatan dalam hal penafsiran makna tajuk-tajuk berita tersebut. Mungkin juga ada yang akan bertanya sebab susunan kata nama negara dalam tajuk berita tersebut tidak dinyatakan dengan nama negara Jepun lebih dahulu.

Dakwaan tersebut memang berlandaskan fahaman kiritik yang bertujuan untuk menganalisis hubungan antara butir-butir linguistik dan makna yang disampaikan pengguna bahasa. Perkara ini perlu kita ingat untuk memahami sebab-musabab wujud *ungrammaticality* dalam puisi-puisi dan dalam bahasa laporan berita yang telah pun kita huraikan di dalam perenggan 3.2. dan 3.3. di atas. Kesimpulannya, teknik mengarang atau seni penulisan bukanlah perkara yang berkaitan dengan bidang kesusastraan sahaja melainkan perkara yang berhubung dengan kehidupan bahasa sehari-hari, termasuk bahasa laporan berita.

3.5. Penyimpangan Bahasa dan Laras Bahasa

Seperti kita fahami melalui huraian di atas, pengarang puisi sering cenderung menciptakan bahasa yang menyimpang daripada aturan nahu yang lazim. Maksudnya adalah untuk melepaskan dirinya sendiri daripada belenggu kebiasaan yang terlalu mengakar. Percubaan ini kadang-kadang menghasilkan bahasa yang sangat bertentangan dengan bahasa yang biasa. Oleh itu, hasil ciptaannya sering menjadi sasaran kritik dari segi norma kebahasaan.

Sehubungan dengan itu, bagi memperlihat kebenaran dakwaan tersebut maka wajar kita teliti sebuah contoh puisi Sutardji di bawah ini.

Teks 15 : O

dukaku dukakau dukarisau dukakalian dukangiau
resahku resahkau resahrисau resahbalau resahkalian
raguku ragukau raguguru ragutahu ragukalian
mauku maukauuu mautahu mausampai maukalian maukenal
maugapai
siasiaku siasiakau siasasia siabalu siarisau siakalian siasasia
waswasku waswaskau waswaskalian waswaswaswaswaswas
duhaiku duhaikauuu duhairindu duhaingilu duhaikalian
duhaisangsai
oku okau okong orindu okalian obolong orisau oKau o...
(Prodopo, 1987:109)

Melalui puisi tersebut, dapat kita lihat bentuk-bentuk bahasa yang tidak biasa. Yang dimaksudkan dengan bentuk tidak biasa dalam kajian ini pada dasarnya mengikuti dakwaan Roger Fowler (1996). Bentuk bahasa yang digunakan Sutardji di atas merupakan bentuk-bentuk yang bukan lazim baik dalam susunan suku kata maupun dalam konteks ejaan. Andai kata, teks tersebut tidak diterima sebagai sebuah puisi, maka hasil

karangan tersebut mungkin boleh dianggap sebagai suatu catatan yang sewenang-wenangnya dan tidak bermakna.

Dalam hal ini sesuatu yang amat penting yang perlu kita persoalkan ialah kenapa seseorang pengarang puisi cenderung melakukan penyimpangan dari kebiasaan norma bahasa? Berhubung dengan perkara tersebut Roger Fowler (1995:46) selanjutnya menjelaskannya seperti di bawah ini, iaitu melalui kutipan daripada karangan George Orwell di dalam *Politics and the English language*:

The habitualization of meaning and the consequent dulling of thought were a strong preoccupation of the novelist and essayist George Orwell. His views are best known from the very emotive but essential essay '*Politics and the English language*': the 'decadence' of our society encourages us to have 'foolish thought'; the English language 'becomes ugly and inaccurate because our thoughts are foolish, but the slovenliness of our language makes it easier for us to have foolish thoughts'.

Menurut pandangan tersebut, kebergantungan kepada kebiasaan penggunaan bahasa yang sewenang-wenang merupakan sebab-musabab penguasaan pemikiran yang dungu. Dengan kata lain, seseorang yang ingin membebaskan dirinya sendiri daripada kebiasaan tersebut dengan sengaja berusaha menyimpang daripada kebiasaan norma bahasa.

Sehubungan itu, perlu kita ingat kembali tentang konsep laras bahasa yang telah diperkenalkan oleh Reid, T.B.W. (1956) pada permulaan perkembangan laras bahasa, iaitu yang mengatakan bahawa;

For the linguistic behaviour of a given individual is by no means uniform; placed in what appear to be linguistically identical conditions, he will on different occasions speak (or write) differently according to what may roughly be described as different social situations: he will use a number of distinct 'register' (*Linguistics, structuralism and philology*).

Menurut Reid (1956), perlakuan bahasa yang ditunjukkan oleh seseorang individu sebenarnya tidak seragam; tempat yang memungkinkan suasana situasi hubungan secara linguistik berlaku, seseorang mungkin dalam suasana bertutur (atau menulis) yang berbeza, yang berlainan berdasarkan kepada apa yang hendak dijelaskan pada umumnya, umpamanya situasi-situasi sosial yang berlainan. Dalam hal ini dapatlah kita katakan bahawa seseorang barangkali menggunakan sejumlah 'laras' yang berbeza.

Jenis-jenis situasi serta laras-laras yang terlibat dengannya, seperti yang telah dibahaskan, pada dasarnya diiktiraf atau diterima di dalam sesebuah masyarakat. Laras bahasa merupakan sebahagian daripada 'kebolehan komunikasi' individu dalam pengertian bahawa seseorang boleh menulis atau bercakap sejumlah variasi tertentu, dan mengenal pasti bermacam-macam laras dalam bidang-bidang lain termasuk bidang profesional. Oleh sebab itu, pada zaman awal perkembangan kajian tentang laras, ahli linguistik telah mengemukakan bidang-bidang laras yang luas seperti sains, agama, peraturan, pengiklanan, undang-undang, komentar sukan, ramalan cuaca, resipi, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sempadan-sempadan antara situasi-situasi tersebut sebenarnya adalah kabur, oleh itu, setiap satunya seolah-olah tidak boleh dibuat klasifikasi yang jelas atau sempurna. Kebanyakan teks tersebut tidak mungkin hanya mengandungi satu laras, tetapi mengandungi gabungan bermacam-macam jenis laras.

Bagaimanapun, kompleksiti ini tidak menafikan kebenaran teori. Pengalaman serta penyelidikan menunjukkan bahawa seseorang itu sebenarnya boleh menghasilkan dan mengenal pasti laras-laras yang distintif yang sesuai mengikut jenis situasi yang berbeza. Seterusnya, laras merupakan penggunaan bahasa yang distintif untuk memenuhi keperluan fungsi komunikasi tertentu mengikut jenis situasi tertentu.

Sehubungan itu, perlu kita ingat fakta bahawa sesetengah teks memperlihatkan unsur laras yang ketara sekali, yang benar-benar sarat mengandungi ciri-ciri yang menjadikannya jelas tentang jenis teks tertentu. Lazimnya jenis ini terdiri daripada dokumen rasmi seperti teks undang-undang kontrak, teks ibadat dan peraturan agama yang lain, keterangan manual, sains dan peraturan birokrasi.

Kekonsistenan gaya tersebut memperlihatkan adanya fungsi yang simbolik, menyatakan kepada pembaca bahawa unsur tersebut tidak harus mengabaikan keperluan bagi menentukan hal yang dibicarakan oleh teks. Laras bahasa serupa itu sering dianggap sebagai suatu variasi bahasa yang dibenarkan oleh kerajaan atau sesuatu pihak berkuasa. Sesetengah laras serupa itu barangkali boleh dianggap sebagai laras hegemonik (Roger Fowler, 1996:191). Melalui laras bahasa hegemonik tersebut wujud pengaruh mutlak antara pihak berkuasa dengan penerima teks. Dengan demikian mereka mengendalikan perkara tersebut dengan sungguh eksplisit dan dengan jelas sekali sebagaimana mereka menentukan sesuatu laras bahasa.

Walau bagaimanapun, selain teks hegemonik tersebut teks selalunya mempunyai berbilang-bilang laras, iaitu mengandungi gabungan bermacam-macam laras, dialek dan sosiolek yang terjalin bersama. Ciri-ciri struktur teks yang signifikan tersebut boleh mendorong pembaca-pembaca untuk membina gambaran sepenuhnya tentang kejelasan dan kewujudannya bagi keperluan terhadap penggabungan variasi. Dalam perkataan lain, sesuatu teks barangkali merupakan sesuatu yang terbentuk dengan pelbagai jenis variasi bahasa, atau heteroglosik, menurut istilah Bakhtin. Berdasarkan pandangan tersebut, beliau dengan tegas mengkritik baik pandangan teori linguistik tradisional yang bersandarkan kepada fahaman subjektif yang bersifat individu mahupun pandangan objektif yang lebih bersifat abstrak. Dengan demikian, beliau menegaskan

pentingnya sudut pandangan *dialogism* dalam pengkajian mengenai keperihalan bahasa.

Menurut Bakhtin, pendengar mengintepretasikan pertuturan bukan hanya berdasarkan hal yang didengar, tetapi menerusi berbagai-bagai faktor di luar jangkauan pendengar. Faktor-faktor tersebut antara lain meliputi sebab-sebab berlaku pertuturan, kepentingan pendengar, pengaruh serta penilaian yang terangkum dalam pertuturan, kemampuan saling memahami terhadap pertuturan serta reaksi-reaksi lain yang sangat kompleks dalam pertuturan. Dengan kata lain, sebenarnya wujud suatu proses interaksi yang sangat penting dalam kegiatan pertuturan yang saling memahami. Oleh itu, menurut beliau, makna perkataan merupakan hasil interaksi di antara pendengar dan pembicara yang dihasilkan melalui bunyi-bunyi ujaran. Huraian ini berhubung kait dengan wujudnya variasi bahasa, iaitu *heteroglossia*, iaitu *wujud jenis perbualan bahasa biasa dengan bahasa tidak biasa*.

Oleh sebab itu, jika dua atau lebih variasi wujud serentak di dalam sesuatu teks, seseorang pembaca pastinya tidak boleh berada dalam keadaan tenang atau selesa. Misalnya, jika seseorang menyiapkan sesuatu iklan, sesuatu undang-undang kontrak atau sesuatu resepi, perkara utama mengenai gabungan laras perlu diselesaikan, dan sering kali kita memberi tumpuan terhadap hubungan yang kritikal antara dua laras, sesuatu perbualan antara pandangan dunia yang tersirat dalam dua variasi. Dengan itu, secara intrinsik, heteroglosia berhubungan dengan *defamiliarisasi* seperti yang pernah dihuraikan Viktor Shklovsky (1917).

Oleh hal yang demikian, penggunaan kod-kod bahasa pengarang puisi tersebut lazimnya ditafsirkan sebagai hasil defamiliarisasi yang sering dipanggil oleh pihak hegemoni sebagai cara penggunaan yang tidak biasa.

Tafsiran tersebut secara umumnya berdasarkan pandangan bahawa bahasa sastera pada hakikatnya berbeza sifat fungsionalnya daripada

bahasa sehari-hari. Di sini yang memperlihatkan perbezaan penting antara pengguna bahasa sehari-hari dengan antibahasa dalam bidang kesusasteraan, sebab dalam bahasa sehari-hari sememang pemakai bahasa harus berusaha untuk difahami oleh lawan bicara (Teeuw, 1983:65).

Antibahasa secara umumnya dapat dianggap sebagai salah satu subgolongan daripada kelainan bahasa. Dalam kata lain, antibahasa ialah suatu bentuk bahasa yang tidak sopan. Menurut Halliday bentuk bahasa serupa itu merupakan satu jenis sosiolek, iaitu yang berkaitan dengan fahaman dalam aliran antagonis yang radikal.

Dari sudut pandangan untuk pengesahan wujud subbudaya, antibahasa sebenarnya juga menjadi alat perpaduan atau mempunyai kecenderungan yang positif. Penggunaan antibahasa tidak hanya menjadi sempadan kelompok, tetapi juga sebagai ikatan hubungan di kalangan kumpulan, sebagai pengantara untuk membincangkan hal tentang pengertian pegangan mereka. Dengan demikian, antibahasa juga merupakan medium bagi kegiatan lisan dan seni lisan. Misalnya, mutasi fonetik kata-kata standard dan rekaan metaforis bagi kosa kata dalam sesbuah novel, permainan kata, puisi dan hujah balas.

Tidak dapat kita nafikan fakta bahawa makna puisi tidak pernah wujud dalam lingkungan leksikon. Keindahan puisi wujud di luar jangkauan leksikon, iaitu dengan wujudnya kombinasi susunan butir-butir linguistik dan pemilihan yang sewajarnya (Sung Ki Ok, 1993:118). Oleh sebab itu, membaca puisi bukanlah bererti menganalisis beberapa kata yang kebetulan terdapat dalam sebuah puisi. Pelbagai tafsiran, keterbukaan untuk pemahaman yang beranekaragam merupakan kriteria untuk keunggulan sebuah karya sastera. Setiap pembaca mempunyai kebebasan dan kewajipan untuk mentafsirkan kembali hasil karya sastera yang dibacanya (Teeuw, 1983:65). Dengan demikian, bahasa yang digunakan dalam karya-karya sastera sering dianggap sebagai sesuatu variasi yang luar biasa.

Sehubungan itu, Roger Fowler (1996:189) membuat kesimpulan huraihan-huraian tentang wujud variasi bahasa seperti berikut;

'Idiolect', 'sociolect', and 'dialect', and their sub-types such as antilanguage and occupational jargons, may be regarded roughly as varieties which reflect *who you are*. *Registers* are varieties which differ according to *how you use language*.

Huraian tersebut dengan jelas menunjukkan fakta bahawa variasi-variasi bahasa terwujud baik kerana wujud perbezaan identiti pengguna bahasa atau kerana wujud perbezaan cara penggunaan bahasa. Misalnya, bahasa puisi merupakan variasi bahasa yang dapat dibezakan menurut pengguna sedangkan bahasa surat khabar merupakan variasi menurut penggunaan.

Melalui huraian ini dapat kita menjawab pertanyaan sebab bahasa akhbar sering menjadi sasaran kritik sebagai hasil penulisan yang menyimpang daripada norma kebahasaan. Dari sudut pandangan pihak berkuasa, bahasa laporan berita semestinya tetap merupakan bahasa yang baik dan benar. Menurut pandangan tersebut, bahasa akhbar tidak boleh dinyatakan dengan bentuk yang sewenang-wenang. Dalam penulisan berita pada prinsipnya wujud peraturan yang harus dipatuhi. Hal ini mungkin mengandungi implikasi bahawa melalui laras bahasa yang diakui secara rasmi tersebut, mereka bertujuan untuk mewujudkan sesuatu pengaruh yang mutlak terhadap pembaca surat khabar.

Dalam pada itu, menurut pandangan pihak yang tidak berkuasa, bahasa akhbar pada hakikatnya dianggap sebagai salah satu jenis bahasa yang berciri laras hegemoni. Dengan demikian mereka mendakwa bahawa peristiwa-peristiwa secara umum dikendalikan oleh pihak berkuasa dengan sungguh eksplisit dan dengan jelas sekali sebagaimana ditentukan terhadap sesuatu laras bahasa tersebut. Dalam perkataan lain, pembaca

surat khabar mahu tidak mahu dipengaruhi oleh berbagai-bagai manifestasi dalam penilaian maklumat yang disampaikan akhbar tersebut. Untuk memahami perkara tersebut secara terperinci perlu kita ingat kembali wujudnya perubahan makna dalam contoh tajuk berita yang telah dihuraikan pada bahagian 3.4.

Korea, Jepun setuju berkongsi
Jepun, Korea setuju berkongsi

Jika kita membandingkan makna sepasang tajuk berita di atas, maka perbezaan maknanya bukannya terdapat pada maklumat itu sendiri melainkan terdapat pada sudut pandangan tentang maklumat berkenaan. Susunan kata nama negara <Korea + Jepun> dan <Jepun + Korea> merupakan sesuatu tanda untuk menghasilkan sesuatu kesan perbezaan sudut pandangan dari kedua-dua tajuk berita tersebut. Sudut pandangan tersebut merupakan sesuatu landasan yang penting untuk menentukan identiti akhbar berkenaan. Oleh sebab itu, menerusi sepanjang proses pembuatan akhbar, sudut pandangan tersebut sentiasa dipertahankan dan digunakan sebagai sesuatu ukuran penilaian berita.

Memang benar bahawa menerusi berita, para pembaca akhbar memperoleh laporan serta gambaran harian. Dalam hal ini perlu kita fahami bahawa laporan berita terhasil daripada lambang-lambang yang terbentuk melalui berbagai-bagai kombinasi kod makna. Pada hakikatnya, lambang atau tanda di dalam akhbar merupakan sebarang unsur yang dapat menerbitkan makna. Ciri-ciri signifikasi atau pemaknaan ini menjadikan berita bermakna. Sesuatu peristiwa yang dilaporkan bukan merujuk kepada bentuk, kandungan, makna atau kebenaran laporan, tetapi laporan lebih merujuk kepada apa yang hendak disampaikan oleh peristiwa tersebut, iaitu makna yang terbit daripada ciri-ciri sistem lambang dan juga konteks yang berkaitan dengan apa yang dinyatakan dan diterima.

Dengan demikian, berita ditentukan oleh nilai-nilai tertentu dan jenis atau ciri bahasa yang digunakan di dalam penyampaian berita atau laporan berkenaan dapat membayangkan atau menggambarkan nilai-nilai tersebut. Pembaca surat khabar akan dapat merasakan bahawa kaedah atau cara penggunaan bahasa dalam pelaporan atau penyampaian berita tertentu akan memberi kesan terhadap kandungan berita yang diperoleh di dalam akhbar.

3.6. Organisasi Bahasa dan Reka Bentuk Akhbar

Laras bahasa ialah variasi yang berdasarkan kepada cara penggunaan sesuatu bahasa, iaitu fungsi organisasi bahasa menurut berbagai-bagai aspek situasi bahasa.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam perbincangan di atas, kewujudan berbagai-bagai variasi bahasa sebenarnya ada hubungan dengan butir-butir luar linguistik. Oleh sebab itu, untuk memahami sesuatu bahasa secara mendalam kita perlu memahami bukan saja makna secara langsung daripada teks, tetapi juga proses-proses yang berlaku dalam penciptaan dan penterjemahan teks tersebut. Pemahaman teks serupa itu lazimnya berdasarkan pemahaman terhadap berbagai-bagai fungsi bahasa dari segi pandangan semiotik sosial, iaitu konteks.

Akan tetapi konsep semiotik sosial atau konteks seperti yang dibahaskan oleh Gunther Kress et. al, (1997) tersebut sebenarnya lebih luas jangkauannya daripada fahaman tradisional tentang konteks. Hal tersebut melibatkan segala unsur berkaitan semiosis manusia dan bukan hanya terhad kepada bahasa semata-mata. Berdasarkan dakwaan tersebut, untuk melakukan kajian bahasa akhbar yang ideal, sangat diperlukanuraian unsur-unsur konteks bukan bahasa berhubung dengan produksi bahasa akhbar di samping unsur-unsur bahasa.

Gunther Kress dan Theo van Leeuwen (1977:186) berpendapat bahawa bahasa sentiasa bersifat telus dan nyata dan wujud dalam berbagai-bagai gaya semiotik. Semasa proses bercakap misalnya, kita bukan sahaja menyampaikan mesej melalui ungkapan kata-kata, tetapi melalui interaksi atau tindak balas unsur-unsur bunyi ujaran, irama, intonasi yang kompleks, di samping disertai dengan ekspresi wajah, isyarat gerakan dan juga sikap atau aksi tertentu. Begitu juga dalam proses menulis, kita tidak hanya menyampaikan sesuatu mesej melalui tanda-tanda linguistik semata-mata, tetapi sesuatu perkara disampaikan melalui olahan segala unsur *visual* yang terdapat di atas suatu halaman atau muka surat. Oleh sebab itu, sebarang bentuk kajian tentang bahasa akhbar, misalnya yang mengabaikan unsur-unsur tersebut mungkin tidak dapat menjelaskan keseluruhan maksud yang disampaikan di dalam sesuatu teks tersebut. Sebagai contoh, beberapa perkara yang perlu diperhatikan dalam kajian bahasa akhbar di samping unsur-unsur bahasa ialah;

1. Halaman utama surat khabar menjuruskan pembaca kepada berita di seluruh dunia. Dalam hal ini, surat khabar menyajikan berbagai-bagai berita dan peristiwa yang berlaku di seluruh dunia.
2. Halaman utama surat khabar mewujudkan hubungan atau kaitan di antara pelbagai peristiwa yang berlainan di dalam berita, umpamanya dengan menentukan sesuatu sebagai sesuatu yang unggul (ideal) dan biasa (real) ataupun sesuatu yang lama dan terkini.
3. Surat khabar yang berlainan akan melakukan perkara-perkara berkenaan menerusi kaedah serta tahap yang berbeza-beza yang kebiasaannya mempunyai hubungan dengan latar belakang pembaca dan juga keluasan konteks budaya masyarakat.

4. Susun atur (layout) halaman utama (muka depan) surat khabar sering kali berubah-ubah. Namun begitu, secara umumnya kita dapat menganggap bahawa halaman utama surat khabar sebagai simbol bagi sesuatu akhbar. Oleh itu, dalam proses membuat perubahan terhadap halaman utama ia tertakluk kepada faktor-faktor sosial, budaya serta ideologi yang sama dan juga bertindak sebagai simbol semasa membacanya.

Berdasarkan beberapa penjelasan yang diberikan di atas, ternyata bahawa fungsi unsur mode visual kini menjadi lebih penting sebagai bentuk komunikasi moden berbanding masa lalu. Sehubungan dengan itu juga Jacques Derrida (1976) dan Julia Kristeva (1980), Gunther Kress et. al, (1997:257) mendakwa bahawa bahasa pada hakikatnya bukan merupakan satu-satunya medium yang mutlak untuk berfungsi sebagai unsur-unsur lambang dan berkomunikasi. Unsur-unsur bukan bahasa juga boleh berfungsi sebagai unsur penting untuk kegiatan bahasa. Oleh sebab itu sewajarnyalah timbul reaksi terhadap pandangan tradisional, iaitu yang beranggapan bahawa bahasa ialah medium paling utama untuk kegiatan berbahasa. Dengan demikian kedua-dua sarjana terkemuka di Eropah, iaitu Derrida dan Kristeva menolak pandangan tradisional tersebut. Justeru, mereka menganggap bahawa kajian bahasa merupakan suatu bidang daripada kajian ilmu semiotik sosial. Sehubungan dengan itu juga, dengan memberi perhatian terhadap dakwaan-dakwaan tersebut maka dapat kita fahami sebab kajian serta analisis terhadap susun atur atau reka bentuk halaman surat khabar, terutamanya terhadap bahasa surat khabar perlu dilakukan.

3.7. Reka Bentuk Berita Harian dan Ruangan Visual

Bahasa akhbar ialah hasil kerja pelbagai peringkat. Proses-proses pembentukan dan pengubahsuaian merupakan perkara-perkara yang terlalu

rumit dan kompleks untuk dapat diuraikan secara lengkap. Walaupun demikian, sedikit banyak pengetahuan tentang reka bentuk laporan akhbar akan menjadi satu landasan untuk memahami peringkat-peringkat penyempurnaan teks laporan, bentuk dan juga kandungannya.

Kajian mengenai bahasa akhbar biasanya bermula dengan sesuatu genre atau aspek khusus yang menarik yang terdapat dalam bahasa, mengenai cara sesuatu jenis laporan tertentu dilaporkan, bagaimana ciri-ciri tajuk-tajuk berita berlainan daripada ciri bahasa yang lain, cara pengiklanan cenderung untuk menarik perhatian atau memikat. Semua ini sebenarnya berdasarkan tumpuan kajian tentang bahasa akhbar itu sendiri. Akan tetapi, seperti yang diuraikan Gunther Kress et. al, (1997) di dalam 3.6. sebelumnya, perlu kita mengalih tumpuan kepada unsur-unsur bukan bahasa, iaitu reka bentuk BH.

3.7.1. Ciri-ciri Khas Reka Bentuk dalam Berita Harian

3.7.1.1. Logo Akhbar


Penulisan logo BH terdapat di bahagian atas, halaman depan surat khabar. Penggunaan huruf bersaiz besar, dengan warna merah terang membolehkannya kelihatan dengan jelas dan menjadi daya tarikan kepada pembaca.

Berita Harian

3.7.1.2. Butir-butir Penerbitan


Butir-butir berkenaan tarikh dan hari penerbitannya ditulis pada kedudukan yang jelas pada bahagian kiri paling atas. Manakala tanda harga, slogan akhbar, Sumber Ilmu dan Maklumat Mutakhir, permit penerbitan (PP) dan tahun permulaan penerbitan ditulis sebaris dalam satu ruangan di bahagian bawah logo BH. Perkara berkenaan ditulis dalam ruangan berwarna hitam, memandangkan perkara tersebut tidak memerlukan perhatian khusus daripada pembaca.

BH diterbitkan setiap hari setebal 32 halaman meliputi berita utama/semasa dan 12 halaman sisipan mengenai laporan/rencana/berita berkenaan tema tertentu yang berlainan pada setiap hari.



3.7.1.3. Sari Berita atau Berita Penting

Ruangan penting di bawah logo surat khabar ialah bahagian ringkas atau sari berita penting yang terdapat di dalam surat khabar pada hari tersebut. Bahagian ini ditulis dengan ringkas dalam bentuk tajuk berita dan disertakan halaman pada bahagian hujung beritanya. Sesetengahnya disertakan gambar beserta keterangan gambar bagi berita berkaitan sebagai daya penarik berita.



3.7.1.4. Tajuk berita

Tajuk utama surat khabar tercetak berbeza daripada tajuk-tajuk berita yang lain, iaitu dicetak dengan huruf yang bersaiz besar. Setiap tajuk utama akhbar disertakan dengan gambar dan juga keterangan gambar bagi berita berkaitan. Nama pelapor/wartawan yang melaporkan berita utama berkenaan tercetak di bahagian tajuk utama, iaitu di antara tajuk berita dan tubuh berita.

Tajuk-tajuk berita penting yang lain di halaman depan tercetak pada skala (saiz) huruf yang bermacam-macam bergantung kepada tahap kepentingan berita, misalnya tajuk berita yang kedua penting tercetak dengan huruf yang sedikit lebih kecil daripada tajuk utama. Dalam pada itu tajuk berita yang ketiga penting tercetak lebih kecil lagi.


Tajuk utama di setiap halaman atau seksyen di dalam surat khabar BH tercetak bermula di bahagian sebelah kiri di bahagian paling atas setiap halaman surat khabar. Tajuk utama ditulis pada skala huruf yang lebih besar berbanding dengan tajuk-tajuk berita yang lain pada setiap halaman.

Umno setuju Pas hadkan kuasa sultan

3.7.1.5. Berita kecil

Satu lagi ruangan khusus di muka depan ialah ruangan Macam-macam. Ruangan ini memaparkan berita menarik dari luar negara. Ruangan Macam-macam tidak mengambil kira tahap kepentingan berita,

tetapi lebih kepada berita yang menarik dan ditulis dengan ringkas tanpa tajuk berita di ruangan paling bawah di sebelah kiri muka depan.



3.7.1.6. Kolumn

Surat khabar BH mengandungi lapan kolumn atau ruangan pada setiap halaman. Setiap lajuran berita tercetak dalam kolumn berukuran kira-kira 3.7cm (37mm), kecuali berita pada ruang 7 dan 8, pada muka depan sahaja tercetak bergabung menjadi satu ruangan.

Di bahagian paling bawah kolumn 7 dan 8 pula disiarkan dua perkara yang berkaitan dengan maklumat penting kepada pembaca, khususnya masyarakat bumiputera dan Islam, iaitu mengenai maklumat Amanah Saham Nasional dan Waktu Solat (sembahyang). Perkara ini kelihatan kecil, tetapi sangat berkaitan dengan latar masyarakat pembaca surat khabar BH khususnya dan surat-surat khabar berbahasa Malaysia, amnya. Memandangkan pembaca utama surat khabar berbahasa Malaysia, terutamanya BH adalah dari kalangan masyarakat bumiputera khususnya masyarakat Melayu maka menjadi perkara utama dan juga strategi penting dengan diletakkan dua perkara tersebut di muka depan surat khabar nasional ini. Malah, perkara berkaitan dengan Waktu Solat amat

relevan dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Maklumat Amanah Saham Nasional berkaitan dengan pelaburan saham armanah khusus untuk kaum bumiputera manakala waktu sembahyang pula berkait rapat dengan amalam ibadah sembahyang bagi masyarakat Islam.



3.7.1.7. Bahagian dan Seksyen Berita

Surat khabar BH diterbitkan dalam tiga bahagian naskah. Bahagian naskah pertama terdiri daripada bahagian yang memaparkan liputan berita-berita utama/ semasa/ penting/ menarik yang berlaku dalam negara atau berita tempatan. Bahagian naskah kedua pula memaparkan berita-berita mengenai ekonomi dan hal ehwal dunia semasa. Manakala bahagian ketiga berupa sisipan yang menyiarkan berita mengenai tema tertentu yang berbeza-beza pada setiap hari, umpamanya tema pendidikan (Isnin), wanita (Selasa), harta tanah (Rabu), jaguh dan laporan sukan (Khamis), dunia (Sabtu) serta ruangan iklan harian.

Di samping itu juga, di dalam setiap bahagian berkenaan terdapat seksyen-seksyen laporan yang menyiarkan hal ehwal berita tertentu di setiap halaman surat khabar. Bagi seksyen berita semasa yang penting, terutama hal ehwal berita nasional, jelas mengandungi lebih banyak halaman berbanding dengan seksyen berita yang lain.

Seksyen-seksyen berita yang terdapat di dalam bahagian naskah pertama surat khabar BH adalah seperti berikut;

- 1) Nasional termasuk halaman utama/muka depan (8-10 halaman)
- 2) Lidah pengarang (Minda Pengarang) dan rencana (1 halaman)
- 3) Surat pembaca (1 halaman)
- 4) Program televisyen (1 halaman)
- 5) Pusparia (1-2 halaman)

Di dalam bahagian (naskah) kedua pula terdapat seksyen-seksyen berikut;

- a) Ekonomi (3-4 halaman)
- b) Dunia (2-3 halaman)
- c) ADD (Akhbar Dalam Darjah) – kecuali hari Isnin (2 halaman)
- d) Wanita – kecuali Selasa (1 halaman)
- e) Sastera dan budaya (1 halaman)
- f) Nasional (1 halaman)
- g) Pahlawan – hanya pada hari Isnin (1 halaman)
- h) Sukan (5 halaman)

3.7.1.8. Berita bergambar

Sesetengah berita tertentu disertakan gambar atau tokoh-tokoh penting yang berkaitan dengan laporan berita. Gambar tersebut disertakan juga dengan keterangan gambar atau nama tokoh berkenaan.



3.7.1.9. Sumber berita

Sumber bagi sesetengah berita akan dinyatakan di bahagian akhir sesebuah tubuh berita. Nama sumber tertentu seperti Bernama, AFP, Reuter, Agensi, dan sebagainya dicatatkan di bahagian akhir bagi menyatakan sumber berita tersebut diperoleh.

PBB pinjam duit pengaman

PERTUBUHAN BANGSA-BERSATU (PBB)
Selasa - PBB kehabisan wang tunai dan dituntut untuk mengembalikan dana yang dipinjam dengan akaun pengaman meskipun peruntukannya adalah untuk membayar negara yang menghambar. Akibatnya, anggaran ini tidak lagi boleh dibuat dan ia akan menyebabkan kerugian kepada pegawai kewarganegaraan.

"Baki belanjawan umuman PBB adalah sebanyak RM128 juta (AS\$200 juta) dan ia akan dibayar oleh PBB Bagi Penadbiran dan Pengurusan, Joseph Connor.

Sebahagian besar puncanya ialah Amerika Syarikat yang tidak membayar hutang sebanyak AS\$1.5 billion (RM500 juta).

PBB kehabisan wang tunai untuk perbelanjaan harian lebil awal kerana sumbangan dari negara-negara anggota PBB sebanyak AS\$128 juta (RM128 juta) dan AS\$50 juta (RM125 juta) dari Jerman, akan dibayar lewat Connor mengaku, PBB

akan berhutang AS\$200 juta (RM500 juta) kepada akaun pengaman akhir tahun ini. Mewalau sumbangan meminjam dan hutang.

Hutang negara anggota PBB adalah AS\$2.8 billion (RM7 billion). Amerika beranggapan AS\$2.2 billion, atau RM6.5 billion, akan dibayar kembali ke PBB. Rusia sebanyak AS\$400 juta (RM1 billion) dan Ukraine, AS\$250 juta (RM62.5 juta).

Berikut ini adalah maklumat PBB sejauh ini:

menyumbangkan astar dan peralatan dalam misi di seluruh dunia. Connor membenarkan sidang akhir senat pada hari ini akan membuat akta peruntukan itu.

Hutang PBB terhadap Perancis sahaja adalah AS\$200 juta (RM500 juta).

Connor menambah baik kelulusan rang undang-undang Kongres Amerika menetapkan AS\$600 juta (RM1.5 billion) untuk bantuan di mana sejauh ini hanya RM100 juta sudah dicerum. - Reuter


3.7.1.10. Sambungan berita

Laporan berita utama atau berita penting yang panjang dan tidak muat disiarkan keseluruhannya di halaman depan surat khabar, hanya akan dipaparkan sebahagian sahaja di halaman utama ini. Bahagian yang tidak muat tersebut akan disambung ke halaman 2. Pemaparan sebahagian berita sedemikian bertujuan memberi ruangan untuk berita penting yang lain mengisi ruangan muka depan surat khabar. Mungkin terdapat satu atau lebih berita yang dibuat sedemikian.

3.7.2. Susun Atur Halaman dan Perbezaan Budaya

Berhubung dengan ringkasan reka bentuk BH tersebut, perlu kita perhatikan huraian Gunther Kress et. al, (1997) tentang ruangan visual berdasarkan visual semiotik di Barat. Perhatikan gambarajah di bawah ini;

Rajah 3 : Visual space in Western visual semiotics(Gunther Kress et al, 1997:274)



Gambarajah tersebut menunjukkan cara penggunaan ruangan visual menurut tradisi budaya penulisan ejaan Rumi, demikian juga haluan pembacaan sesuatu hasil penulisannya, iaitu dari kiri ke kanan, dari atas ke bawah. Dengan demikian ruangan visual untuk setiap halaman penulisan dapat dibahagikan kepada empat bahagian seperti yang diperlihatkan dalam gambarajah di atas.

Menurut huraian Gunther Kress et. al, (1997), bahagian atas menunjukkan sesuatu imej yang bernilai yang biasa (real) sedangkan imej di bahagian bawah bernilai unggul (ideal). Dalam hal ini, nilai-nilai imej (ideal dan real) tersebut merupakan sesuatu makna yang khusus di dalam konteks tertentu. Misalnya, ideal boleh merupakan sesuatu nilai berhubung dengan jauh dekatnya masa, iaitu sesuatu yang berlaku pada masa lalu atau sesuatu yang akan berlaku pada masa mendatang. Sementara itu, real boleh bererti sesuatu yang berada di sini atau sekarang ini.

Pembahagian kiri-kanan berdasarkan urutan penulisan atau pembacaan. Bahagian kiri yang merupakan titik permulaannya cenderung bererti

sesuatu yang telah diberi anggapan atau sesuatu yang telah diduga. Dalam pada itu, bahagian kanan sebagai titik penyelesaiannya, mungkin bererti sesuatu yang baru. Dengan kata lain, pembezaan atas-bawah berhubungan dengan keputusan ontologikal sedangkan pembezaan kiri-kanan berkaitan dengan kedudukan maklumat. Jika kita menerapkan dakwaan tersebut dalam hal reka bentuk BH, maka seolah-olah mungkin kita dapat menjawab beberapa pertanyaan yang menarik. Misalnya, sebab gambar-gambar tertentu, tajuk-tajuk berita tertentu atau pengiklanan di halaman muka BH terletak di bahagian-bahagian tertentu (atas-kiri, bawah-kanan dan sebagainya).

Walau bagaimanapun, pembezaan bahagian halaman tersebut merupakan sesuatu pedoman yang kasar. Cara penggunaan yang sebenarnya pada asasnya bergantung kepada kebiasaan ataupun kebudayaan pula. Sehubungan itu, Gunther Kress et. al, (1997:275) menjelaskan bahawa *different cultures have different uses*. Sebagai contoh, letak gambar yang paling penting dalam BH biasanya di bahagian tengah di muka halaman akhbar tersebut. Demikian pula, pengiklanan yang paling penting sentiasa terletak di bahagian bawah. Perbezaan letak reka bentuk tersebut mengandungi implikasi bahawa penggunaan tanda, sama ada unsur-unsur bahasa ataupun unsur-unsur bukan bahasa merupakan bidang kajian dalam jangkuan ilmu semiotik sosial.

3.8. Analisis Wacana dan Struktur Tajuk Berita

Sehubungan dengan huraian tersebut, dapat kita sedari bahawa bahasa akhbar ataupun bahasa media berita secara umumnya sering dianggap sebagai perkara yang sangat penting di kalangan masyarakat moden. Perkara ini sangat mustahak dalam usaha memahami cara laras sesuatu

bahasa berkenaan berperanan dalam masyarakat. Dengan demikian, kita dapat mengetahui cara bahasa tersebut mempengaruhi persepsi atau tanggapan seseorang terhadap orang lain atau diri sendiri. Selain itu, hal tersebut juga penting untuk membolehkan kita memahami bagaimana sesuatu bahasa berhasil dan terbentuk oleh nilai-nilai tertentu.

Sehubungan itu, John Hartly (1995:11-15) pernah menganggap wacana berita sebagai sejenis produk daripada sistem tanda. Beliau menjelaskan bahawa;

News discourse is made of signs combined together by means of codes... But it is the combination of these general and specific characteristics of 'signification' that makes news meaningful... It is not the event which is reported that determines the form, content, meaning or 'truth' of the news, but rather the news that determines what it is that the event means: its meaning results from the features of the sign-system and the context in which it is uttered and received.

Menurut dakwaan tersebut, setiap tanda yang digunakan dalam media sepantasnya mencerminkan atau menghasilkan makna menurut konteks yang berkenaan. Bahasa laporan berita merupakan sesuatu yang mustahak untuk menentukan makna peristiwa berkenaan. Hal ini pada dasarnya dimungkinkan oleh wujudnya proses signifikasi (pemaknaan) tanda tertentu. Berhubung dengan signifikasi tersebut, perlu kita ingat bahawa sesuatu lambang tidak boleh diasingkan daripada. Sesuatu lambang mempunyai hubungan dengan sesuatu unsur yang lain. Lambang tidak akan bermakna tanpa unsur-unsur yang mewujudkan makna yang berterusan melalui rangkaian hubungan komponen dengan komponen yang lain. Untuk menjelaskan perkara ini secara lebih terperinci, John Hartly lebih lanjut mendakwa bahawa;

Neither news nor language are transparent windows on the world. They are both more like maps of the world. A map differs from the terrain it indicates in very obvious ways, without ceasing to maintain a relationship which allows us to recognize the terrain through it.

Dengan demikian, menurut beliau, laporan ataupun bahasa bukan menjelaskan gambaran tentang dunia secara langsung. Tetapi kedua-duanya lebih merupakan hasil tanggapan ataupun hasil pernyataan, seperti peta dunia. Sesuatu peta bukanlah sebuah kenyataan. Peta berbeza dari segi rupa bentuk permukaan bumi ataupun laut. Peta dalam pelbagai keadaan secara terperinci hanya memperlihatkan suatu hubungan yang membolehkan kita mengenal pasti rupa bentuk permukaan bumi dan laut yang sebenarnya. Oleh hal yang demikian, dalam usaha kita mengenal pasti kaedah memahami sesuatu peta, kita harus memahami kod-kod distintif, konvensi, lambang-lambang (tanda-tanda) serta simbol yang terdapat di dalam peta tersebut. Sesuatu peta mengandungi maksud atau tujuan yang tersendiri bergantung kepada kebiasaan kegunaan atau kepentingan tertentu. Jenis peta yang berlainan memperlihatkan tujuan yang berbeza.

Dengan perkataan lain, secara jelas, peta merupakan suatu gambaran abstrak tentang realiti (*abstraction from reality*). Begitu juga, peta merupakan suatu hasil susunan lambang yang menterjemahkan kenyataannya ke dalam sistem lambang-lambang dan kod-kod yang bersifat autonomi. Peta memaparkan kaedah cara kepelbagaian dan percanggahan fenomena alam dapat dikategorikan, diklasifikasikan serta dibezakan secara bukan semula jadi.

Dalam hal ini, sesuatu hal yang perlu kita ingat ialah fakta bahawa sesuatu peta mengatur, memilih dan membentuk koheren yang tidak terkira banyaknya tentang tanggapan pengertian yang kita alami di atas

muka bumi. Sesuatu peta mungkin tidak menggambarkan permukaan bumi yang sebenar selagi air tidak berwarna biru, bukit dan padang tidak berwarna coklat dan hijau, atau selagi garisan bentuk muka bumi semula jadi dan sempadan-sempadan sosial tidak ditunjukkan dengan jelas di atas peta tersebut. Oleh itu, menurut pandangan John Hartly lagi seperti berikut:

But in order to find our way about with a map we have to understand its own distinctive codes, conventions, signs and symbols. A map organizes, selects and renders coherent the innumerable sense impressions we might experience on the ground. It does not depict the land, since water is not blue, hills and fields are not brown and green, and neither natural contours nor social boundaries are visible in the way they are shown on the map.

Dakwaan tersebut sangat berkesan untuk memahami isu-isu utama berhubung sifat atau ciri bahasa akhbar, ciri tajuk berita secara khususnya. Dakwaan-dakwaannya berdasarkan satu lapangan dalam bidang kajian komunikasi yang dipanggil semiotik, iaitu suatu bidang kajian mengenai penghasilan makna-makna sosial. Bidang kajian ini seperti yang telah diuraikan di dalam bab-bab sebelumnya menumpukan perhatian bagi memahami unsur-unsur persekitaran semula jadi, bentuk-bentuk serta pemakaian tanda-tanda dalam masyarakat.

Berdasarkan huraihan tersebut perlu kita ingat kembali beberapa ciri istimewa dalam reka bentuk BH yang telah kita bincangkan sebelumnya, antara lain (1) warna dan saiz logo BH, (2) tajuk berita dan (3) kolumn 7 dan 8.

Penulisan logo Berita Barian ada di bahagian paling atas, halaman depan surat khabar. Penggunaan hurufnya bersaiz besar sekali, dengan warna merah terang. Penggunaan warna tersebut membolehkan logo tersebut kelihatan dengan jelas dan menjadi daya tarikan kepada pembaca.

Tajuk utama surat khabar tercetak berbeza dengan tajuk-tajuk berita yang lain, iaitu dicetak dengan huruf yang bersaiz besar. Setiap tajuk utama akhbar disertakan dengan gambar dan juga keterangan gambar bagi berita berkaitan. Dalam hal ini, pemakaian gambar bertujuan untuk menarik perhatian pembaca.

Manakala tajuk-tajuk berita penting yang lain di halaman depan ditulis pada skala huruf yang bermacam-macam bergantung kepada tahap kepentingan berita, misalnya tajuk berita yang kedua penting ditulis dengan huruf yang sedikit lebih kecil daripada tajuk utama dan seterusnya tajuk berita yang ketiga penting tercetak lebih kecil lagi.

Tajuk utama di setiap halaman atau seksyen di dalam surat khabar BH tercetak bermula di bahagian sebelah kiri di bahagian paling atas setiap halaman surat khabar. Tajuk utama tersebut tercetak pada skala (saiz) huruf yang lebih besar berbanding dengan tajuk-tajuk berita yang lain pada setiap halaman.

Di bahagian paling bawah kolumn 7 dan 8 disiarkan dua perkara yang berkaitan dengan maklumat penting kepada pembaca, iaitu mengenai maklumat Amanah Saham Nasional dan Waktu Solat (sembahyang). Perkara ini kelihatan kecil tetapi sangat berkaitan dengan latar masyarakat pembaca surat khabar BH, khususnya dan surat-surat khabar berbahasa Malaysia amnya iaitu yang secara majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu. Oleh itu satu perkara utama yang juga dianggap strategi penting ialah meletakkan dua perkara tersebut di muka depan surat khabar. Maklumat Amanah Saham Nasional berkaitan dengan pelaburan saham amanah khusus untuk kaum bumiputera manakala waktu sembahyang menjadi rujukan waktu sembahyang bagi masyarakat Islam.


Melaluiuraian tentang reka bentuk BH tersebut, lebih jelas dapat kita fahami pernyataan laras bahasa menurut genre dalam akhbar. Sebagai contoh, tajuk-tajuk berita utama secara khususnya dapat

dibandingkan pula dengan tanda-tanda lalu-lintas, cogan kata iklan dan jendela stor. Perlu diingat tujuan umum tajuk berita utama ialah untuk menarik perhatian para pembaca/pendengar (Gene Gilmore, 1990:54). Untuk memenuhi tujuan tersebut, tajuk berita perlu diciptakan secara khusus. Oleh hal yang demikian, semakin tinggi permintaan untuk penciptaan tajuk berita utama secara teristimewa semakin berubah gaya bahasanya, yang secara yang lebih tepat kita sebutkan sebagai laras bahasanya.

Sering kali para wartawan merungut bahawa laporan-laporan yang disampaikan adalah benar, tetapi tajuk-tajuk berita telah diputarbelitkan. Malah mereka sering kali perlu membuat penjelasan kepada sumber-sumber berita bahawa mereka tidak dapat berbuat apa-apa dengan tajuk berita. Apabila tajuk berita sedikit tidak selaras dengan laporan beritanya, wartawan akan dipersalahkan dan sumber penyampai berita akan berasa jengkel atau mungkin marah. Kenapa hal-hal seperti ini sering berlaku? Untuk mengetahui sebabnya perlu kita fahami sedikit latar belakang produksi akhbar secara garis besar.

Seperti diuraikan di atas, bahasa akhbar ialah hasil kerja pelbagai peringkat dan isi kandungannya merupakan sesuatu yang multi-genre. Proses-proses pembuatan dan pengubahsuaian naskah laporan berita, gambar-gambar, serta pencetakannya merupakan perkara-perkara yang terlalu rumit dan kompleks. Walau bagaimanapun, sedikit pengetahuan tentang proses produksi hasil penulisan akhbar bermanfaat pula untuk memahami peringkat-peringkat produksi bahasa akhbar. Perhatikan gambarajah di bawah ini;

Rajah 4 : Peringkat-peringkat produksi akhbar



Gambarajah tersebut memperlihatkan proses pembentukan bahasa laporan berita serta penulisan laporan berita.

- 1) terdapat sumber berita di meja ketua pemberita
- 2) salah seorang wartawan diberi tugas untuk menulis cerita laporan berkenaan
- 3) hasil penulisan laporan berita dikaji semula oleh ketua pemberita
- 4) subeditor mengedit laporan berita sekali lagi (tajuk-tajuk berita utama dibuat)
- 5) editor memeriksa kembali laporan berita tersebut sebagai hasil penulisan yang terakhir
- 6) subeditor memindahkan laporan berita kepada bahagian percetakan dan pengedaran

Proses tersebut tentunya berbeza-beza pula menurut keadaan institusi pemberita. Walau bagaimanapun, menerusi contoh proses penulisan berita tersebut dapat kita membayangkan proses pembentukan bahasa laporan. Seperti yang dinyatakan di dalam proses 4) di atas tajuk berita utama lazimnya dibuat oleh penolong editor dalam proses mengedit naskah laporan bekanaan.

Melalui gambarajah tersebut, dengan jelas kita ketahui fakta bahawa wartawan memberi tumpuan kepada penulisan berita manakala tajuk berita tulis oleh kakitangan di bahagian lain. Pembahagian tugas tersebut timbul kerana faktor kepanjangan sesuatu tajuk berita tertakluk kepada susun atur muka surat yang terhad. Proses susun atur muka surat bukan dilakukan oleh wartawan, tetapi dilakukan oleh penolong editor. Pada prinsipnya, penolong editor menulis tajuk berita dengan merujuk kepada intipati berita utama, sama ada dibuat dengan cara mengedit atau menulis semula. Oleh sebab itu, tajuk berita utama merupakan cerita mikro (micro-story). Tajuk utama tersebut memaparkan segala nilai serta kemahiran penulisan ke dalam satu ayat. Dengan demikian, jika kita dapat memahami fungsi tajuk berita utama, boleh juga kita memahami keseluruhan kandungan berita yang sebenar yang tercantum di dalam berita tersebut.

Dalam hubungan ini, kita perlu fahami sesuatu fakta yang penting iaitu tajuk-tajuk berita utama bukanlah merupakan permulaan laporan berita. Sesuatu tajuk berita merupakan kesempatan bagi surat khabar untuk memperlihatkan identitinya sebagai suatu hasil penerbitan massa (Kniffka, 1980:41). Tajuk berita utama boleh dianggap sebagai unit tersendiri dan dapat dianggap sebagai abstrak laporan berita berkennaan.

Pada hakikatnya, tajuk berita bukanlah merupakan bahagian laporan berita. Oleh sebab itu, semua laporan daripada sumber agensi berita sebenarnya tidak mempunyai tajuk-tajuk beritanya. Jika demikian, dari

mana datangnya tajuk-tajuk berita? Berhubung dengan pertanyaan tersebut, terlebih dahulu perlu kita perhatikan huraian tentang struktur berita yang cukup menarik. Sulaiman Masri (1990:36) menjelaskan bahawa tubuh manusia terdiri daripada kepala, badan dan kaki. Berita juga terdiri daripada kepala, badan dan kaki. Penjelasan : kepala ialah pendahulu, badan ialah isi dan kaki ialah penutup. Pemberita surat khabar mencuba sedaya upaya untuk menulis terus tentang perkara tertentu dengan bahasa yang mudah dan jelas. Tidak seperti bentuk-bentuk penulisan lain, penulisan berita biasanya tidak membenarkan pemberita untuk membina suspensi; pemberita mesti mendedahkan maklumat yang terbaik pada perenggan pertama. Inilah yang dipanggil pendahulu atau *lead*.

Di samping itu, perlu kita ingat dakwaan Allan Bell (1991) yang mengatakan bahawa *a majority of headlines are derived solely from lead sentences and not from information further down a story*. Dakwaan tersebut menunjukkan bahawa walaupun sering terdapat kes-kes yang terkecuali, kebanyakannya tajuk berita lazimnya diturunkan daripada cerita pendahulu berkenaan. Berhubung dengan hal tersebut, perlu kita ingat bahawa pendahulu merupakan abstrak berita dan merupakan bahagian permulaan laporan berita selengkapnya. Oleh sebab itu, Allan Bell (1997:76) menegaskan betapa pentingnya diberi tumpuan kepada hubungan pendahulu dengan tajuk berita dalam kajian wacana bahasa laporan. Untuk itu, menurut dakwaan beliau, beberapa persoalan dapat ditimbulkan iaitu;

What is the relationship of the headline to the lead?

What events in the lead are included/excluded in the headline?

What news values lie behind these inclusions and exclusions?

Is the headline a valid representation of the lead?

Pada dasarnya pendahulu merupakan satu paragraf. Sebenarnya bukanlah suatu hal yang aneh jika kandungan berita utama sering kali disampaikan di dalam satu paragraf sahaja. Sekiranya sesuatu laporan berita menyiarkan maklumat berita yang sangat penting, maka berita yang paling penting tersebut akan diletakkan di bahagian permulaan paragraf, bukannya di bahagian akhir paragraf. Dalam hubungan ini, pendahulu pada dasarnya, merupakan intipati sesuatu laporan berita.


Oleh sebab itu, untuk menulis pendahulu yang tepat diperlukan suatu prinsip. Untuk menulis pendahulu, mula-mula kita mesti memerhatikan apakah pembuka maklumat. Secara tradisinya, para wartawan menggunakan enam kategori untuk menganalisis maklumat : Siapa? Apa? Bila? Di mana? Mengapa? Bagaimana? Untuk lebih mudah mengingatkan, disebut SIABIDIBAM; "Si" kependekan siapa, "a" kependekan apa, "bi" kependekan bila, "di" kependekan di mana, "ba" kependekan bagaimana, dan "m" kependekan mengapa. Maklumat setiap kejadian yang kita saksikan dan setiap cerita yang kita dengar, boleh disimpulkan ke dalam keenam-enam kategori tersebut. Prinsip SIABIDAM tersebut sangat mustahak untuk menyusun pendahulu sebagai suatu perenggan yang dapat difahami secara mudah dan jelas. Setelah mengemukakan pendahulu, tugas seterusnya ialah menyusun maklumat-maklumat lain menurut urutan pentingnya. Untuk itu peraturan-peraturan yang berikut ini perlu dipatuhi (Sulaiman Masri, 1990:45);

- a) Perkenalkan maklumat tambahan yang penting yang anda tidak masukkan dalam pendahulu.
- b) Huraikan lagi maklumat yang anda kemukakan dalam pendahulu.
- c) Teruskan memperkenalkan maklumat baharu menurut susunan pentingnya.
- d) Perluas idea-idea menurut susunan pentingnya.

- e) Satu idea dalam satu perenggan.
- f) Pertukaran dari satu perkara ke perkara lain dibuat secara peralihan.

Susunan tersebut sering disebut sebagai piramid songsang atau piramid terbalik. Perhatikan rajah di bawah ini;

Rajah 5: Piramid Songsang (Yang diubah suai oleh penulis mengikut rekaan Sulaiman Masri, 1990:45)



Tidak semua cerita laporan mematuhi peraturan piramid songsang tersebut. Tetapi pada pendahulu, kenyataannya perlu mudah dan jelas. Perenggan seterusnya, menjelaskan dan memberikan keterangan lain untuk menyokong pendahulu. Piramid songsang dicipta untuk membantu pemberita-pemberita memasukkan maklumat dalam susunan yang munasabah. Demikian pula, prinsip ini sangat diperlukan bagi kemudahan para pembaca surat khabar. Untuk menghuraikan perkara tersebut secara terperinci, Sulaiman Masri (1990:45) menunjukkan empat sebab mengapa formula serupa itu digunakan dalam penulisan cerita laporan.

- (1) Pembaca mungkin berhenti membaca pada bila-bila masa. Justeru, perlu diberitahu berita penting dahulu. Seorang yang membaca hanya satu perenggan berupaya mengetahui unsur penting dalam cerita tersebut.
- (2) Memuaskan rasa ingin tahu pembaca. Biasanya orang selalu ingin mengetahui lebih dahulu hal-hal yang paling penting.
- (3) Banyak cerita surat khabar dipotong untuk mematuhi jumlah ruangan dalam lajur (kolumn). Pemotongan ini lebih mudah dilakukan kalau maklumat dipersembahkan dalam urutan menurut kepentingannya. Format piramid songsang membenarkan para editor memotong cerita-cerita dari bawah tanpa mencacatkan cerita berkenaan.
- (4) Memudahkan untuk menyusun tajuk hanya dengan membaca bahagian pertama sesuatu cerita itu.

Huraian tersebut sangat penting untuk memahami struktur tajuk-tajuk berita berhubung dengan penilaian berita. Sehubungan itu, Allan Bell (1991:151) menjelaskan bahawa;

The lead paragraph is a nucleus of evaluation, because the function of the lead is not merely to summarize the main action. The lead focuses the story in a particular direction. It forms the lens through which the remainder of the story is viewed. This function is even more obvious for the headline, especially when it appears to pick up on a minor point of the story.

Menurut huraian tersebut, pendahulu merupakan intipati untuk penilaian berita. Pendahulu biasanya dipanggil pembukaan atau ringkasan cerita laporan. Akan tetapi, pendahulu bukan hanya merupakan ringkasan peristiwa, tetapi juga merupakan sesuatu petunjuk untuk memandangkan jalan cerita peristiwa itu selanjutnya. Demikian pula, fungsi pendahulu tersebut menjadi lebih jelas lagi apabila kita melihat bahawa tajuk berita sering diambil daripada ringkasan pendahulu tersebut. Perhatikan contoh di bawah;

Teks 16

Gempa bumi melanda selatan Jepun, China

TOKYO, Ahad—Gempa bumi melanda beberapa pulau di selatan Jepun dan juga di wilayah Gansu, barat laut China, lapor agensi meteorologikal kedua-dua negara.

Gempa bumi di selatan Jepun berlaku petang ini dan dilaporkan berukuran 5.6 mengikut skala Richter. Bagaimanapun, tidak berlaku gelombang tsunami ketika gempa.

Agensi Meteorologikal Jepun berkata pusat gempa, yang berlaku pada jam 6.37 petang (5.37 petang ini waktu Malaysia), dikesan di luar pantai pulau Okinawa, bahagian paling selatan Jepun.

Gempa bumi yang berlaku di Gansu lewat semalam pula berukuran yang ketakutan, lari keluar dari rumah masing-masing, kata pegawai gempa bumi. —Agensi (3 Jun, 1996, BH)

Teks tersebut merupakan hasil reproduksi daripada berita yang bertarikh 3 Jun, 1996 dalam BH (muka 1, Nasional). Untuk mengetahui susunan ceritanya baiklah kiranya kita terapkan inti pati cerita tersebut ke dalam formula piramid songsang tadi.

Pendahulu

*gempa bumi di beberapa pulau Jepun dan di Gansu,
China*

Maklumat selanjutnya

*gempa di Jepun berukuran 5.6 Richter, namun tidak
berlaku gelombang tsunami*

Maklumat selanjutnya

Yang kurang penting

*waktu melanda gempa 6.37 petang, pusat gempa di luar
pantai Okinawa*

Perincian selanjutnya

*waktu gempa melanda di Gansu, China, para penduduk
lari keluar kerana ketakutan*

Melalui contoh di atas, dapat kita saksikan cara pembentangan cerita laporannya, iaitu <Gempa bumi> + <Skala> + <Pusat Gempa> + <Keadaan penduduk>. Akan tetapi, sesuatu yang kita lebih perhatikan ialah bahawa tajuk berita 'Gempa bumi melanda selatan Jepun, China' dipetik daripada isi kandungan pendahulunya.

Menurut sudut pandangan yang lain, perkara <Keadaan penduduk> yang dilaporkan pada perenggan yang paling akhir boleh dianggap sebagai yang paling mustahak dalam laporan tersebut. Begitu juga dengan <Skala gempa bumi>. Namun demikian, menurut sudut pandangan pemberita tersebut, perkara yang lebih diutamakan ialah fakta bahawa gempa bumi melanda di kedua-dua kawasan di Asia, iaitu Jepun dan China. Oleh itu, pendahulu laporannya bermula dengan cerita tentang gempa bumi di Jepun dan China.

3.8.1. Struktur Wacana Berita dan Fungsi Tajuk Berita

Berlainan dengan ahli linguistik tradisi, van Dijk (1988) meneliti struktur berita melampaui sempadan ayat serta menumpukan perhatian terhadap cara bentuk-bentuk ayat dipengaruhi oleh ayat-ayat lain di sekitarnya di dalam sesuatu teks. Ini bermakna di dalam pendekatan kajian wacana terhadap nahu (grammar) aspek kesempurnaan bentuk atau struktur tatabahasa ayat-ayat adalah relatif. Sebagai contoh, ayat yang

berasingan yang mengandungi hanya kata kerja, biasanya bukan sahaja memperlihatkan bentuk yang tidak gramatis, tetapi sebahagiannya juga mungkin tidak difahami. Namun sebagai satu aspek urutan yang bebas atau rambang di dalam ayat-ayat, misalnya ketidaksempurnaan, barang kali sesuatu yang biasa kerana 'kehilangan' informasi gramatis (dan unsur lain) boleh diperoleh menerusi ayat yang terdahulu atau sebelumnya. Ketidaksempurnaan gramatis tersebut boleh kita bandingkan dengan konsep ungrammaticality yang telah dihuraikan pada perenggan 3.2.

Demikian pula, menurut pandangan beliau, struktur formal ayat di dalam wacana sangat tergantung kepada ayat-ayat yang lain di dalam wacana tersebut (atau konteks). Namun begitu, apa yang lebih menarik ialah bentuk ayat-ayat yang terdahulu bukan hanya sekadar memainkan peranan penting di dalam wacana, tetapi juga mengandungi informasi yang hendak disampaikan oleh ayat-ayat tersebut, apa atau siapa yang mereka rujuk, apa yang dijangkakan oleh penerima-penerima untuk diketahui atau apakah perhatian yang mereka tumpukan. Segala konsep atau tanggapan tersebut adalah sangat berkait rapat dengan pendekatan semantik dan kognitif terhadap wacana.

Untuk itu, van Dijk (1988) menghuraikan peranan organisasi tema atau *thematic organization* dalam wacana berita. Menurut penjelasan beliau, tema atau topik merupakan unsur yang sangat mustahak dalam memahami makna sesuatu teks. Akan tetapi, topik yang dimaksudkan van Dijk bukan merupakan sesuatu pengertian daripada tiap-tiap perkataan atau ayat. Menurut dakwaan tersebut, susunan kata atau frasa tidak bersifat sewenang-wenangnya tetapi barangkali mempunyai berbagai-bagai fungsi di dalam hubungannya dengan ayat-ayat yang lain dalam wacana. Misalnya, jika seseorang membaca laporan-laporan dalam surat khabar, maka hal tersebut bukan bererti bahawa orang itu membaca

setiap perkataan dan ayat dalam teks laporan tersebut. Akan tetapi pembaca tersebut baru bermula memahami topik-topik yang mungkin tercantum di dalam teks laporan tersebut. Setelah itu, pembaca tersebut kembali menduga topik-topik seterusnya yang paling mudah diramalkan. Ramalan tersebut boleh dilakukan berkat berbagai-bagai tanda yang bertema di dalam teks yang sebenarnya telah disediakan oleh penulis teks tersebut. Dengan demikian, secara subjektif pembaca mungkin dapat menanggapi keseluruhan makna teks tersebut.

Berhubung dengan proses pemahaman teks tersebut, van Dijk (1988:34) menjelaskan bahawa;

As soon as we have heard a first sentence, we may already try to guess what the overall or initial topic of a text or talk fragment may be. This is vitally important because the topic acts as a major control instance on the further interpretation of the rest of the text. When we already know the topic, it is easier to understand the respective sentence of the text. This is an example of what psychologists call top-down processing.

Huraian tersebut mengimplikasikan bahawa topik pada hakikatnya merupakan sesuatu unit semantik yang wujud di peringkat yang lebih atas daripada jangkauan makna setiap ayat. Dengan perkataan lain, analisis wacana pada asasnya merupakan sesuatu pekerjaan untuk mencari makna dalam teks. Bagaimanapun, makna merupakan suatu konsep yang sangat kabur, kerana makna mengandungi banyak pengertian. Ahli linguistik kerap kali menganggap perkara tersebut sebagai perlambangan atau pernyataan makna tentang semantik wacana. Di dalam bidang semantik kita dapati ciri khusus berhubung makna keseluruhan klausa atau ayat, yang dipanggil proposisi. Oleh itu, sekiranya struktur ayat-ayat yang formal diberi tumpuan dalam analisis

wacana, bidang semantik pula lebih memberikan perhatian terhadap struktur proposisi, khususnya terhadap hubungan antara pelbagai proposisi di dalam sesuatu wacana. Berkaitan dengan keseluruhan peringkat dalam analisis wacana, kita perlu menyatakan prinsip, iaitu sesuatu proposisi dipengaruhi oleh proposisi terdahulu atau sebelumnya di dalam teks atau perbualan.

Dengan demikian, huraiān tersebut merupakan suatu tanggapan tentang semantik, umpamanya berkaitan kepaduan atau koheren. Perkara tersebut berkaitan dengan pertanyaan tentang cara makna ayat-ayat, iaitu proposisi saling bergantungan antara satu sama lain di dalam sesebuah wacana. Untuk menjawab pertanyaan tersebut, perlu kita meneliti ciri kepaduan atau koheren di peringkat ayat-ayat yang berurutan (iaitu analisis peringkat mikro). Namun kita masih harus juga meneliti makna wacana secara keseluruhan (iaitu analisis peringkat makro). Menerusi kedua-dua peringkat analisis tersebut, sebenarnya dapat kita jelaskan tentang apakah sebenarnya yang membolehkan wacana menjadi bermakna dan bagaimana sesuatu wacana berbeza daripada set-set ayat yang arbitrarī.

Memang benar bahawa padangan van Dijk (1988) tentang wacana tersebut pada asasnya berdasarkan pendekatan kognitif. Secara umum, ahli-ahli psikologi dan ahli-ahli linguistik kognitif mengambil pendekatan yang lebih empirik terhadap makna. Menurut pandangan mereka wacana itu sendiri tidak mengandungi makna, tetapi makna sebenarnya lebih merupakan suatu hasil sesuatu proses yang dapat kita ketahui berdasarkan kegiatan tertentu seperti pengertian, pemahaman atau interpretasi. Dalam hal ini, makna lebih berkait rapat dengan pemikiran pengguna-pengguna bahasa. Oleh itu, *top-down processing* dalam pemahaman makna teks berhubung dengan perkara peringkat struktur kognisi atau pemikiran pengguna bahasa. Untuk menghuraikan perkara

tersebut, van Dijk (1988) menggunakan kedua-dua peringkat, iaitu peringkat makrostruktur dan peringkat mikrostruktur seperti yang ditunjukkan di atas. Menurut huraian beliau, pendahulu merupakan suatu makrostruktur bagi pembentukan makna teks laporan secara keseluruhan.

The lead gives the general macrostructure, and the next paragraphs have specifications of the following (van Dijk, 1988:47).

Menurut huraian van Dijk (1988:41), dapat kita simpulkan bahawa topik-topik dalam wacana berita pada dasarnya tersusun mengikut suatu struktur hierarki. Tatatingkat topik tersebut berkaitan erat dengan susunan proposisi topik-topik tersebut. Susunan proposisi tersebut bukan menurut urutan logikal tetapi pada asasnya mengikut urutan pentingnya cerita laporan. Dengan perkataan lain, topik yang lebih penting mendahului topik yang kurang penting. Sebagai contoh, dalam laporan gempa bumi di perenggan 3.6, 1) gempa bumi, (2) skala, (3) pusat gempa, (4) keadaan penduduk merupakan susunan proposisi dalam peringkat makrostruktur teks laporan tersebut. Dalam pada itu, struktur ayat-ayat berkenaan merupakan peringkat mikrostruktur yang akan mempengaruhi susunan topik laporan selanjutnya. Berhubung dengan urutan proposisi tersebut, dapat kita fahami secara lebih mudah jika kita mengingat huraian tentang struktur piramid songsang di dalam perenggan 3.6 tadi.

Sehubungan itu, perlu kita perhatikan kedudukan tajuk berita dalam wacana berita. Daripada kebanyakan berita akhbar, tajuk berita merupakan peluang utama bagi sesuatu akhbar menampilkan identiti peribadi (individu) berbanding dengan apa yang disampaikan oleh media massa lain (Kniffka, 1980:41). Oleh sebab itu, fungsi tajuk berita lazimnya diibaratkan sebagai fungsi sesuatu barang di dalam jendela stor. Maksudnya, seperti halnya dengan para pembeli barang, para pembaca

surat khabar memulakan pembacaan surat khabar dengan ringkasan yang pantas dan berkesan, iaitu tajuk berita. Pembaca surat khabar yang teliti akan dapat memperoleh maksud secara umum mengenai peristiwa *menerusi tajuk berita* kemudian bergerak perlahan-lahan kepada berita yang barangkali berfaedah untuk dibaca selanjutnya.

Dalam hal ini, fungsi tajuk berita sering berkaitan dengan fungsi pengiklanan. Tajuk-tajuk berita harus bersifat menjual. Di gerai-gerai menjual surat khabar di bandar-bandar besar yang kompetitif, tajuk-tajuk berita muka depan mendorong mlariskan sesbuah surat khabar berbanding dengan yang lain. Demikian pula, di halaman-halaman dalam setiap surat khabar, tajuk-tajuk berita mendorong pembaca untuk mula membaca sesuatu laporan. Secara falsafah, fungsi asas kebebasan akhbar di dalam demokrasi bukan bermatlamat mengaut keuntungan, tetapi untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Tetapi hakikatnya terdapat kecenderungan di dalam masyarakat kapitalisme, secara khususnya, di negara-negara Barat dan di Amerika Syarikat, surat khabar mesti berupaya memperoleh keuntungan untuk membolehkan akhbar-akhbar tersebut terus hidup dan mantap. Oleh itu tajuk-tajuk berita harus berupaya membantu memasarkan setiap beritanya tersendiri sebagaimana mlariskan keseluruhan surat khabar tersebut.

Berhubungan dengan kedua-dua aspek di atas, iaitu menyampaikan maklumat serta memasarkan, fungsi yang ketiga adalah menggred (*grading*) atau menilai (*evaluating*) sesuatu berita. Selain itu, sesuatu tajuk berita juga menyarankan bahawa berita tersebut barangkali mengenai sesuatu yang menarik. Demikian juga saiz dan gaya bentuk dari tajuk berita tersebut dapat membantu surat khabar berkomunikasi dengan pembaca dan yang paling penting serta berkualiti bagi surat khabar ialah dapat menggambarkan mengenai sesuatu yang jelas iaitu


sama ada suatu laporan tentang bencana ataupun suatu yang menyeronokkan.

Kepentingan terakhir sesuatu tajuk berita adalah untuk merangsang deria perasaan artistik pembaca. Pendahulu-pendahulu berita yang tidak menarik akan menjadikan halaman tersebut membosankan. Namun daya tarikan grafik yang lebih kompleks dapat menggantikan kebosanan dengan keceriaan. Tajuk-tajuk berita mungkin berbaur dengan reka bentuk yang berselerak atau halaman-halaman yang mengelirukan. Namun, apabila tajuk-tajuk berita telah dirancang dan direka bentuk dengan teliti kemudian ditulis dengan gaya yang berkesan serta disusun dengan gaya yang khas, maka halaman-halaman surat khabar menjadi kemas dan menarik perhatian. Sudah tentu, ciri identiti sesuatu surat khabar, untuk sebahagiannya, ditentukan oleh reka bentuk yang khas tajuk berita dalam akhbar masing-masing.

3.8.2 Ciri-ciri Khas Wacana Berita dan Struktur Tajuk Berita

Dalam setiap surat khabar tajuk-tajuk berita terdapat pada bahagian yang paling atas daripada berita. Ketiga-tiga komponen, iaitu tajuk berita, pendahulu berita dan tubuh berita seolah-olah disampaikan dan dibaca berdasarkan urutan tersebut. Akan tetapi seperti yang kita lihat pada perenggan sebelumnya, pada kenyataanya, tajuk berita dibuat pada peringkat yang terakhir dalam penulisan berita. Untuk menghuraikan perkara tersebut, perlu kita ketahui struktur teks berita. Perhatikan gambarajah di bawah ini;

Rajah 6 : Struktur Wacana Teks Berita



a) Sebuah kapal mengalami kebocoran di Teluk Tokyo tangki raksasa besar selepas terlanggar terumbu karang

(BH, *Khamis, 3 Julai 1997, hlm 22*)

b) Enam sekeluarga, terbunuh dalam di kilometer 85
termasuk lima kema2angan ngeri Jalan Kuantan –
kanak-kanak sebuah bas, van dan Temerloh, petang ini
lori membawa ikan

(BH, *Isnin, 22 Disember 1996, hlm 1*)

Contoh (a) dalam rajah 5 di atas, teks berita yang diterima daripada agensi berita Reuter melaporkan peristiwa mengenai kemalangan yang dialami oleh sebuah kapal tangki raksasa di Teluk Tokyo, sehingga mengakibatkan kebocoran besar. Pelaku di dalam laporan tersebut ialah 'sebuah kapal tangki raksasa', manakala 'mengalami kebocoran besar selepas terlanggar terumbu karang' merupakan aksi bagi peristiwa

laporan, dan latar lokasi terjadinya peristiwa berkenaan ialah 'di Teluk Tokyo'. Berdasarkan struktur wacana yang terkandung di dalam laporan berita di atas, tajuk beritanya telah diambil secara langsung daripada setiap bahagian di dalam struktur wacananya. Dari situ maka tajuk beritanya telah diperoleh, iaitu 'Kapal Tangki bocor di Teluk Tokyo'.

Begitu juga di dalam contoh laporan berita (b) di atas, iaitu laporan BH mengenai kematian enam orang dari satu keluarga yang terlibat di dalam satu kemalangan ngeri. Laporan tersebut memperlihatkan struktur wacana seperti berikut; pelaku di dalam peristiwa tersebut terdiri daripada 'enam sekeluarga termasuk kanak-kanak', aksinya pula adalah 'terbunuh dalam kemalangan ngeri membabitkan sebuah bas, van dan lori membawa ikan', manakala latar tempat terjadi kemalangan tersebut ialah 'di Kilometer 85, Jalan Kuantan-Temerloh' (di Maran). Berdasarkan struktur wacana berkenaan jelas kita dapat bahawa tajuk berita laporan tersebut iaitu '6 maut dalam nahas di Maran' (Maran terletak di antara Kuantan dan Temerloh) telah diedit secara langsung daripada pendahulu laporan berita.

Dengan demikian, struktur tersebut dapat membantu kita untuk memahami apakah hubungannya tajuk berita dengan wacana berita secara keseluruhan. Demikian pula, kita dapat memahami peranan subeditor berkenaan dengan penyusunan tajuk berita. Pada prinsipnya, subeditor menyediakan tajuk berita yang mungkin dilakukan dengan mengedit atau menulis semula. Hal ini mengandungi implikasi bahawa sesuatu yang paling mustahak berkenaan dengan isi kandungan berita bukannya perkara kronologi tetapi perkara susunan. Berhubung dengan hal tersebut, Allan Bell mendakwa bahawa;

In news, order is everything but chronology is nothing
(Allan Bell, 1990:172).

Dengan demikian, menurut huraian beliau (1993:94), jika kita mengetahui satu-satunya struktur peristiwa di dunia kenyataan, maka mungkin wujud berbagai-bagai struktur wacana untuk menyatakan peristiwa tersebut. Namun demikian, struktur wacana yang paling bersifat semula jadi merupakan yang berciri urutan kronologikal kerana struktur wacana tersebut selaras dengan struktur peristiwa. Oleh sebab itu, wacana pertuturan seseorang pada hakikatnya mencerminkan urutan kronologikal, iaitu '*matching a verbal sequence of clauses to the sequence of events*' (Labov, 1972:360). Sebaliknya, wacana berita tidak lazim mengikut urutan berlakunya peristiwa, malah sering kali susunan masa berita ternyata lebih kompleks daripada dugaan semula daripada pembaca.

Untuk membuktikan perkara tersebut sebaiknya kita gunakan struktur masa dalam berita. Cara mengukur masa tersebut sebenarnya berasal daripada huraian Allan Bell (1990:150, 1993:95-6), namun butir-butir untuk menganalisisnya telah pun diubah suai penulis. Cerita semasa, iaitu peristiwa yang berlaku pada masa ini (hari ini) atau masa yang sesuai dengan saat berlakunya peristiwa dalam pendahulu dilambangkan dengan angka kosong '0'. Peristiwa yang berlaku segera setelah masa peristiwa tersebut ditandakan dengan angka +1. Angka +2 menunjukkan peristiwa yang berlaku dalam beberapa minggu setelah kejadian berkenaan. Masa peristiwa yang berlaku lebih lewat daripada peristiwa yang berangka +2 dinyatakan dengan angka +3. Sementara itu, peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum peristiwa pada hari ini, dinyatakan dengan angka-angka -1, -2, dan -3 dengan pedoman ukuran masa yang sama dengan peristiwa-peristiwa yang lewat tersebut. Setiap angka ditulis pada ekoran setiap paragraf dalam berita di bawah ini untuk membezakan ruangan lingkup masa dalam berita berkenaan. Perhatikan contoh di bawah ini;

Teks 17

8,598 kes denggi dalam enam bulan

Oleh Wan Hazmir Bakar

S1. KUALA LUMPUR, Rabu—Sebanyak 8,598 kes denggi membabitkan 22 kematikan dikesan di seluruh negara dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, meningkat lebih 127 peratus, berbanding 3,790 kes dan 14 kematian sepanjang tahun lalu. (-3, 0)

S2. Berikutan itu, Kabinet hari ini mengarahkan penubuhan segera jawatankuasa bertindak di peringkat negeri dan daerah seluruh negara bagi mencegah serta membanteras wabak denggi. (0, +1)

S3. Jawatankuasa itu perlu menghantar laporan mingguan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (+2)

S4. Surat arahan penubuhan jawatankuasa itu dihantar kepada setiausaha kerjaan negeri hari ini untuk tindakan segera. (0, +1)

S5. Jemaah menteri yang membincangkan isu denggi hari ini juga memutuskan supaya tempoh kempen besar-besaran peringkat kebangsaan bagi membanteras wabak itu yang diumumkan dua minggu lalu, dilanjutkan dari sebulan kepada tiga bulan. (0, -1, +2)

S6. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata Kabinet yang berbincang secara panjang lebar mengenai langkah mencegah dan membanteras demam denggi meminta kementeriannya merancang dan melaksanakan perkara itu. (0, +1, +3)

S7. "Kementerian ini akan membuat penyelarasan dengan agensi kerajaan lain termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Penerangan," katanya selepas mesyuarat mingguan Kabinet. (0, +1)

S8. Dalam tempoh enam bulan sehingga kelmarin, semua

negeri juga mencatat peningkatan kes denggi lebih 60 peratus dengan Pulau Pinang mencatat peningkatan 871 peratus kepada 437 kes berbanding 45 kes sebelum itu. (-2, -1)

S9. Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) minggu lalu menjangka wabak denggi di Malaysia memuncak dalam tempoh empat hingga enam minggu ini berdasarkan data epidemiologi yang dikumpulkan sejak beberapa tahun lalu. (+2, +3)

S10. Dr Ting berkata, jawatankuasa bertindak peringkat negeri akan dipengerusikan oleh setiausaha kerajaan negeri dan dianggotai wakil Jabatan Kesihatan, Jabatan Pendidikan, dan Jabatan penerangan. (+1, +2)

S11. Bagi peringkat daerah pula, jawatankuasa itu diketuai oleh pegawai daerah dan dianggotai pegawai kesihatan, pendidikan dan penerangan daerah. (+1, +2)

Berita tersebut merupakan hasil reproduksi daripada BH yang bertarikh 3 Julai, 1997 (Nasional). Tanda S1-S11 menunjukkan setiap ayat yang terdapat dalam berita tersebut. Jika kita mengumpulkan setiap angka tersebut mengikut susunan setiap ayat, maka dapat kita ketahui betapa kompleks susunan masa ceritanya dalam berita tersebut.

Rajah 7 : Struktur Masa Berita

- S1 (-3, 0)
- S2 (0, +1)
- S3 (+2)
- S4 (0, +1)
- S5 (0, -1, +2)
- S6 (0, +1, +3)
- S7 (0, +1)
- S8 (-2, -1)
- S9 (+2, +3)
- S10 (+1, +2)
- S11 (+1, +2)

Berhubung dengan hasil kajian tersebut, timbul pertanyaan mengapa pemberita kerap menulis berita dengan memilih susunan masa yang bertentangan dengan susunan kronologi. Oleh itu, hasil penulisannya sering menimbulkan masalah dalam pemahaman cerita laporan tersebut. Dalam hal ini, Allan Bell (1998) mengajukan pertanyaan yang serupa untuk menjelaskan sebabnya, iaitu;

Their answer is that authors have purposes-and narratives have functions-other than just comprehension. They serve to entertain and persuade, for example. With news stories, however, the question is especially sharp, because comprehension by the audience is one of the main explicit aims of news writing. The answer lies in a marriage of journalistic values, journalistic practices and technological development, which is strong enough to overturn the drive to comprehensibility... In particular the value of immediacy, as we have seen, is powerful force in news discourse...the product must be finished by a set time or it is useless (Allan Bell, 1993:100-1).

Menuruturaian tersebut, dapat kita ketahui bahawa perkara pemahaman teks dalam wacana berita merupakan suatu yang relatif. Sesuatu yang lebih penting dalam wacana berita ialah penyampaian maklumat kepada para pembaca dengan segera. Memang tidak dapat kita nafikan bahawa pemahaman teks berita pula merupakan satu perkara yang sangat penting bagi para pembaca. Namun demikian, berbagai-bagai perkara di bidang persuratkhabaran, iaitu nilai-nilai berita, amalan jurnalistik dan perkembangan teknologi mengakibatkan perubahan tanggapan sebelumnya tentang pemahaman maklumat. Oleh itu, ciri-ciri wacana berita telah menjadi berbeza dengan wacana pertuturan biasa.

Huraian tentang ciri-ciri khas wacana berita tersebut mengandungi implikasi bahawa semakin rumit struktur wacana berita semakin penting

fungsi tajuk berita. Perkara ini sangat mustahak pula untuk memahami huraian van Dijk (1988:8) tentang peranan organisasi tema (thematic organization) dalam wacana berita. Menurut penjelasan beliau, pembaca surat khabar sebenarnya bukan membaca ayat-ayat ataupun perkataan-perkataan tetapi tema atau topik yang tercantum dalam teks berita. Topik yang dimaksudkan van Dijk pada dasarnya merupakan berbagai-bagai fungsi butir-butir linguistik dalam wacana. Oleh sebab itu, seseorang yang ingin membaca surat khabar sentiasa berusaha menanggapi topik-topik melalui butir-butir linguistik secara lebih cepat dan ekonomik. Untuk itu, pembaca akhbar lazimnya menumpukan perhatiannya kepada tajuk-tajuk berita, kemudian menerusi berbagai-bagai tanda bahasa yang lain, pembaca tersebut mula mencari topik-topik seterusnya. Dalam perkataan lain, tajuk-tajuk berita merupakan butir linguistik utama bagi pencarian topik dalam wacana berita.

3.8.3. Struktur Tajuk Berita Sebagai Ringkasan Pendahulu

Seperti yang telah dihuraikan sebelumnya, berbeza dengan pendahulu berita, tajuk berita ialah unit yang berdiri sendiri. Tajuk berita merupakan abstrak dan bukan menjadi permulaan berita. Jika pendahulu berita memaparkan maklumat baru yang tidak terdapat di dalam kandungan berita sebenar, tajuk berita pula keseluruhannya berupa abstraksi daripada berita sebenar. Memandangkan pendahulu berita mungkin menekankan kejadian lengkap, oleh itu laporan lengkap itu boleh disampaikan terus melalui tajuk berita, seperti contoh yang ditunjukkan oleh Kniffka (1980:8). Akan tetapi, dalam kebanyakan kes, tajuk berita dipetik daripada pendahulu berita itu sendiri. Perhatikan contoh-contoh di bawah ini;

Teks 18

Ratu cantik: Selangor henti keluar permit

Oleh Rosmin Darus

KUALA LUMUR, Rabu-Semua majlis daerah di Selangor tidak akan mengeluarkan permit membenarkan penganjuran pertandingan ratu cantik, selaras fatwa mufti yang melarang wanita Islam menyertai pertandingan itu.(17, Julai, 1997, Nasional, muka 1)

Teks 19

Jakarta digesa kaji semula sistem politik

JAKARTA, Jumaat-Akhbar berbahasa Inggeris utama di Indonesia, Jakarta Post, hari ini meminta kerajaan mengkaji semula sistem politik negara itu. (1 Jun, 1996, Dunia, Muka 20)

Teks 20

Sekolah cuti kerana tiada air

SEREMBAN, Rabu-Lebih 800 pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu dekat sini diberi cuti dua hari oleh pihak sekolah berikutan ketiadaan bekalan air di sekolah itu sejak Ahad lalu.(17, Julai, 1997, Nasional, Muka 7)

Teks 21

Indonesia tetap larang al-Arqam

JAKARTA, Jumaat-Indonesia tetap melarang al-Arqam bergerak di republik ini dan menafikan dakwaan kumpulan berkenaan dibenarkan bergiat semula kecuali menyebarkan Aurad Muhammadiyah.(1 Jun, 1996, Nasional, Muka 1)

Teks 22

ASEAN tetap terima Kemboja

Oleh Radzi Wahab dan Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin-Malaysia, yang mempunyai pelaburan asing terbesar di Kemboja, meminta puak-puak bertelagah di negara itu segera menghentikan perang dengan melaksanakan gencatan senjata bagi memulihkan keamanan.(8, Julai, 1997, Nasional, Muka 1)

Teks 23

Perlawanan Korea Selatan-Jepun wajar jadi penentu tuan rumah

SEOUL: Pegawai tinggi bola sepak Korea Selatan mencadangkan agar Jepun dan Korea bermain dalam satu perlawanan bagi menentukan siapa bakal menganjurkan perlawanan akhir Piala Dunia 2002.(3 Jun, 1996, Sukan, Muka 29)

Tajuk berita lazimnya menggambarkan ringkasan langsung daripada peristiwa utama yang terdapat dalam perenggan pendahulu berita. Berbanding dengan tajuk-tajuk berita yang lain, contoh teks 20) mengandungi dua peristiwa, iaitu 'Indonesia melarang Arqam' dan 'Indonesia menafikan sesuatu dakwaan'. Akan tetapi, secara umumnya, tajuk-tajuk berita 17), 19) 20), 21), 22) tersebut dikupas menjadi satu peristiwa utama sesuai dengan topik dalam pendahulu. Hanya dalam contoh 21) topik pendahulu, iaitu 'Malaysia menggesa untuk menghentikan perang di Kemboja' tidak dijadikan tajuk berita. Dalam contoh 21), topik dalam perenggan yang kedua 'Asean tetap mahu menerima Kemboja sebagai anggota baru' dijadikan tajuk berita. Melalui contoh 21), dapat kita ketahui bahawa peristiwa utama dianggap kurang penting. Perkara tersebut terkandung di dalam paragraf kedua dalam berita tersebut. Ini

sekadar satu contoh daripada sekian banyak contoh tajuk berita yang bukan semata-mata diambil daripada pendahulu berita.

Perbandingan lengkap mengenai pendahulu berita dan tajuk berita yang dibuat oleh Kniffka (1980:333) mendapati bahawa struktur tajuk berita pada dasarnya mencerminkan struktur pendahulu. Menurut dakwaan beliau, subeditor cenderung memasukkan semula pola-pola sintaksis di dalam pendahulu berita ke dalam tajuk berita. Misalnya, seperti pendahulu berita, tajuk-tajuk berita cenderung bermula dengan pelaku berita utama. Sejumlah besar contoh yang diperoleh Kniffka (1980) dalam akhbar di Amerika Syarikat dan Jerman telah mendukung dakwaan tersebut. Demikian pula serangkaian kajian van Dijk (1987, 1988) pula telah membuktikan perkara tersebut.

Akan tetapi, seperangkat contoh tajuk berita di atas menunjukkan gejala yang berbeza sedikit dengan hasil kajian tersebut. Kebanyakan contoh di atas, iaitu contoh 17), 18), 19), 21), 22) tidak bermula dengan pelaku berita utama. Hanya tajuk berita 20) sahaja yang bermula dengan aktor berita utama. Bagaimanapun, kelima-lima tajuk berita yang tidak bermula dengan pelaku ialah laporan yang cenderung menonjolkan penderita atau unsur-unsur keterangan yang berkaitan dengan pelaku berkenaan.

3.8.4. Transitiviti dalam Tajuk Berita

Berhubung dengan aspek struktur dalam tajuk berita, Kniffka (1980) mendapati bahawa kewujudan bentuk aktif atau pasif di dalam pendahulu berita berhubung kait dengan perihal penekanan di dalam tajuk berita. Tajuk berita yang berbentuk pasif seperti dalam contoh 18) dalam perenggan 3.8.3. di atas tidak menyatakan secara eksplisit siapakah yang

melakukan perbuatan, iaitu penggesaan kepada Indonesia. Sebaliknya pelaku tersebut dinyatakan dalam pendahulu yang tersiar di dalam sebuah surat khabar berbahasa Inggeris utama di Indonesia, iaitu Jakarta Post. Berbanding dengan contoh 18), tajuk berita yang berbentuk aktif dalam contoh 20) menyatakan pelakunya dengan jelas. Sekiranya contoh 20) tersebut ditulis dalam bentuk pasif seperti berikut, 'al-Arqam dilarang Indonesia', maka hasil penanggapan berita tersebut sudah pasti menjadi berlainan daripada bentuk asal. Perhatikan contoh-contoh yang ditunjukkan di bawah;

- a) Jakarta digesa kaji semula sistem politik (Dunia ,1 Jun 1996)
- b) Jakarta post menggesa Indonesia kaji semula sistem politik.
- c) Indonesia tetap larang al-Arqram (Nasional ,1 Jun, 1996)
- d) Al-Arqram tetap dilarang Indonesia.

Begitu juga dengan contoh 19) dan 21) yang dapat kita perhatikan di dalam contoh-contoh yang diberikan di bawah;

- e) ASEAN tetap terima Kemboja (Nasional , 8 Julai 19967)
- f) Kemboja tetap diterima (oleh) ASEAN.

Sehubungan dengan perkara di atas, van Dijk (1988) pernah membuat analisis terhadap lebih 400 tajuk berita di dalam laporan akhbar Belanda pada tahun 1985, iaitu yang berkaitan dengan isu ketegangan kaum antara Belanda dengan kumpulan pendatang, iaitu bangsa Tamil. Menerusi serangkaian kajian tersebut, beliau mendapati bahawa pihak berkuasa lazimnya ditampilkan pada posisi awal di dalam tajuk berita dengan menggunakan kata kerja yang berbentuk aktif. Dalam pada itu, kata kerja yang berbentuk pasif sering digunakan dalam tajuk berita untuk

menyatakan pihak Tamil yang tertindas. Berhubung dengan perkara tersebut, perlu kita perhatikan ciri-ciri transitiviti dalam tajuk berita yang dihuraikan Roger Fowler (1991:71). Beliau mengatakan bahawa;

Transitivity is the foundation of representation... transitivity has the facility to analyse the same event in different ways, a facility which if of course of great interest in newspaper analysis.

Menurut pandangan Roger Fowler (1991), kewujudan berbagai-bagai bentuk tajuk berita seperti yang dinyatakan di atas sebenarnya merupakan hasil perbezaan pendekatan. Transitiviti pada dasarnya merupakan salah satu kaedah antara sekian banyak pendekatan untuk menyatakan peristiwa yang sama yang terjadi di dunia sekeliling. Seterusnya perbezaan cara pernyataan tersebut adalah berdasarkan perbezaan hasil persepsi pengguna bahasa terhadap peristiwa berkenaan. Dalam hal ini, transitiviti sudah tentu merupakan kaedah yang sangat mustahak dalam bidang analisis bahasa surat khabar. Berhubung dengan kewujudan bentuk aktif dan pasif dalam tajuk berita, Roger Fowler (1991:78) lebih lanjut menjelaskan bahawa;

...the active is chosen when the focus is to be on the agent of the action, implying clear responsibility... Passive is a common structure in headlines. It saves space, as well as immediately establishing the topic... it is possible that the agentless passive is chosen not only for brevity but also because of the official or bureaucratic nature of the events referred to (Roger Fowler, 1991: 78-79).

Berdasarkan pandangan tersebut, kelaziman penggunaan bentuk pasif dalam tajuk berita sering dianggap sebagai sesuatu teknik mengedit untuk menjimatkan ruangan di dalam halaman surat khabar. Akan tetapi, selain

tanggapan tersebut, pemilihan bentuk pasif juga cenderung dipengaruhi oleh sudut pandangan dalam penggunaan bahasa. Dengan kata lain, kita sudah pasti akan memilih sesuatu cara perlambangan tertentu untuk menceriterakan sesuatu peristiwa sebagai suatu kaedah dalam penyampaian makna atau maksud tertentu.

Tegasnya, transitiviti merujuk kepada cara makna dapat dijelaskan atau digambarkan di dalam sesuatu ayat atau klausa. Transitiviti juga menunjukkan bagaimana seseorang penutur menyampaikan gambaran mental tentang realiti menerusi bahasa serta cara mereka menggambarkan tentang pengalaman mereka terhadap dunia sekeliling.

3.8.5. Penggunaan Leksikal dalam Laporan Berita

Sebagaimana telah dihuraikan di dalam 3.4.1. sebelum ini, sesetengah teks yang memperlihatkan unsur laras yang ketara sekali boleh dianggap sebagai laras hegemonik. Kekonsistenan dalam cara mengolah unsur perlambangan memperlihatkan adanya fungsi yang simbolik, dan menunjukkan kepada pembaca bahawa unsur tersebut tidak harus mengabaikan keperluan bagi menentukan bahan yang dibicarakan oleh teks. Melalui laras bahasa tersebut wujud pengaruh mutlak antara pihak berkuasa dengan penerima teks. Sebagai contoh, ciri-ciri laras bahasa secara mudah kita temukan dalam teks-teks pelajaran sekolah. Pentakrifan oleh Halliday mengenai perkara tersebut telah dilanjutkan oleh Jean Ure (1971) menerusi kajiannya 'Lexical density and register differentiation'. Dalam kajiannya tentang laras bahasa dalam bahasa Inggeris, Jean Ure menunjukkan bahawa nisbah kewujudan item-item leksikal dalam bahan bertulis adalah lebih tinggi daripada bahasa lisan.

Berhubung dengan dakwaan mengenai nisbah kepadatan leksikal (*lexical density*), Halliday telah menjelaskan lebih lanjut mengenainya menerusi kajian beliau, iaitu 'Some Grammatical Problems in Scientific Language Science' (Halliday, 1989). Beliau menjelaskan bahawa;

This is a measure of the density of information in any passage of text, according to how tightly the lexical items (content words) have been packed into the grammatical structure. It can be measured, in English, as the number of lexical words per clause (Halliday, 1993:76).

Untuk membuktikan dakwaannya, beliau memberikan beberapa contoh ayat yang menunjukkan perbezaan tentang nisbah kepadatan kandungan perkataan. Perhatikan contoh-contoh di bawah ini;

- 1) But we never did anything very much in science at our school. 2
- 2) My **father** used to tell me about a **singer** in his **village**. 4
- 3) A **parallelogram** is a **sided-four** figure with its **opposite sides parallel**. 6
- 4) The **atomic nucleus absorbs** and **emits energy** in **quanta, or discrete units**. 8

(Halliday and Martin, 1993:76)

Angka yang diberikan di sebelah kanan setiap ayat menunjukkan kadar kepadatan leksikal di dalam tiap-tiap ayat berkenaan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap klausa mengandungi berbagai-bagai variasi kadar kepadatan *content words*. Di samping itu, wujud pula suatu kecenderungan yang umum mengenai nisbah kepadatan *content words*, iaitu nisbah kewujudan item-item leksikal (*content words*) yang lebih tinggi dalam bahasa tulisan, khususnya dalam bahasa ilmiah berbanding dengan bahasa lisan. Kecenderungan itu bukan hanya wujud dalam

bahasa Inggeris bahkan mungkin juga merupakan gejala yang umum dalam setiap bahasa (Halliday, 1978:32). Dengan mengamati kecenderungan tersebut, Halliday (1993:76) seterusnya menyokong dakwaan yang dibuat oleh Jean Ure (1971) tersebut. Beliau seterusnya berpendapat;

In informal spoken language the lexical density tends to be low: about two lexical words per clause is quite typical. When the language is more planned and more formal, the lexical density is higher; and since writing is usually more planned than speech, written language tends to be somewhat denser than spoken language, often having around four to six lexical words per clause (Halliday, 1993:76).

Di samping itu, menurut pandangan beliau selanjutnya, jika bahasa tulisan terlalu kompleks, maka unsur tersebut dapat menimbulkan ketaksaan sintaktik. Oleh yang demikian, sering terdapat kesusahan untuk memahami dengan jelas kandungan makna sesebuah karangan ilmiah berkenaan. Bagi menjelaskan perkara di atas, perhatikan contoh di bawah;

- 5) Lung cancer death rates are clearly associated with increased smoking.
- 6) Higher productivity means more supporting services (Halliday and Martin, 1993:77)

Menurut pandangan Halliday (1993:78) ketaksaan kedua-dua ayat tersebut disebabkan oleh berbagai-bagai faktor. Akan tetapi, sebab yang paling utama adalah kerana pembentukan frasa kata namanya yang cukup kompleks, iaitu *lung cancer death rates* dan *increased smoking*. Frasa yang pertama mungkin dapat ditafsirkan ke dalam tiga pengertian, iaitu 'how many people die from lung cancer' atau 'how quickly people die when they get lung cancer'? Ataupun 'how quickly people's lungs die

from cancer'? Berikutnya, frasa kedua dapat difahami dengan pengertian bahawa 'people smoke more', atau 'more people smoke' ataupun 'more people smoke more'?

Bahasa ilmiah yang strukturnya terlentur-lentur tersebut lazimnya menimbulkan kesusahan bagi para pelajar untuk memahami makna teks berkenaan dengan setepatnya. Bahkan, ternyata penggunaan bahasa sedemikian menjadikan ilmu berkenaan bukannya sebagai milik bersama di dalam lingkungan persekolahan melainkan sebagai milik segolongan elit ilmuan tertentu sahaja. Lebih-lebih lagi sering terdapat sekelompok pengguna bahasa yang sebenarnya bukanlah sebagai ilmuan yang kadang kala dengan sengaja menggunakan bahasa serupa itu hanya untuk menunjukkan maruah ataupun kekuasaan dirinya sendiri. Wacana serupa itu dapat disebutkan sebagai wacana birokrasi (Halliday, 1993:84). Dakwaan tersebut pada dasarnya selaras dengan dakwaan Roger Fowler (1991), iaitu dilihat dari sudut pandangan kritikal terhadap hubungan antara bahasa dengan pemikiran, yang secara umumnya disebut sebagai ideologi.

3.9.. Rumusan

Dalam Bab III ini telah disorot pelbagai aspek konteks laras bahasa berita dalam BH. Memandangkan tajuk-tajuk berita sering kali tidak menepati ciri-ciri aturan nahu, maka telah diteliti dengan lebih mendalam contoh-contoh penyimpangan tatabahasa. Menerusi penyelidikan daripada teori semiotik sosial, sebarang unsur penyimpangan tatabahasa tersebut sebenarnya merupakan ciri-ciri laras bahasa berita yang sistematik. Ini sama halnya dengan penyimpangan tatabahasa dalam puisi yang dianggap sebagai lambang ciri tatabahasa yang menghasilkan pengertian kesenian.

Oleh sebab itu, untuk memahami maksud pola bahasa tajuk berita tertentu perlu kita fahami konteks, iaitu hubungan antara bahasa dengan sesuatu di luar bahasa, iaitu konteks situasi tertentu.

Melalui perbincangan dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa laras bahasa tajuk berita merupakan variasi bahasa yang dapat dibezakan mengikuti penggunaan. Demikian pula, menurut analisis wacana laporan berita dalam bab ini telah didapati bahawa struktur tajuk berita sangat berkait rapat dengan pendekatan semantik dan kognitif wacana laporan berita.